هٰذَا مِنْ فَضْلِ رَبِّي

تَقارِيرُ الطَّرِيقَة

وَفَيْضَان فَضْلِيَّة

في سلسلة الطريقة العالية النقشبندية المجددية

TAQARIR ATH-THARIQAH
WA FAIDHZAN FADHZLIYYAH

FI SILSILAH ATH-THARIQAH AL-'AALIYYAH
AN-NAQSYABANDIYYAH AL-MUJADDIDIYYAH

LAPORAN AHWAL PERJALANAN THARIQAT DAN THARIQAT PERJALANAN AHWAL
YANG DITEMPUH OLEH:

HADHRAT FAQIR FAZLI BIN HAMZAH NAQSYABANDI MUJADDIDI
'AFALLAHU 'ANHUMA

DENGAN BIMBINGAN IRSYAD DAN PETUNJUK HIDAYAT OLEH:

'ABDU DHA'IF FAQIR HAQIR KHAKPAEY BUZURGAN LA SYAIK MISKIN FANI
HADHRAT FAQIR MAULAWI JALALLUDDIN AHMAD BIN NURUDDIN AR-ROWI
NAQSYABANDI MUJADDIDI UWAISI 'AFALLAHU 'ANHUMA

Terbitan:

NAQSYABANDI AKADEMI QURAN SUNNAH HADITS

MARKAZI KHANQAH ABUL-KHALILIYYAH NAQSYABANDIYYAH MUJADDIDIYYAH
MADRASAH ULUL AZMI, KAMPUNG SEPAKAT JAYA
WIRA DAMAI, BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN

MUHARRAM 1436 / NOVEMBER 2014

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
حَامِدًا وَّمُصَلِّيًا وَّمُسَلِّمًا وَبَعْدُ؛

MUQADDIMAH

Segala pujian Hamdalah bagi Allah yang dengan Nur FaidhzanNya menerangi kegelapan jalan orang-orang yang kegelapan serta menghilangkan kelemahan hati sanubari Para Salik. Shalawat serta Salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Wa Ashhabihi Ajma'in.
Amma Ba'd;

Sesudah Hamdalah dan Shalawat maka faqir yang hina lagi banyak berbuat dosa ini dan sentiasa mengharap Nur Faidhzan Ilahi iaitu Hadhrat Fazli Bin Hamzah pada bulan Rabi'ul Awwal 1435 sesudah Hijrah Hadhrat Baginda Muhammad Rasulullah, faqir telah memperolehi kemuliaan dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala untuk dihubungkan serta mengambil faedah dengan Nisbat Thariqat 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah setelah dibai'at oleh Syaikh kami iaitu pembimbing Ruhaniah dan petunjuk jalan ke Hadhratillah Asy-Syaikh Jalalluddin Ahmad Bin Nuruddin Ar-Rowi Qaddasallahu Sirrahu. Beliau telah memperolehi Nisbat Khandan Silsilah ini juga melalui Hadhrat Khwajah Khwajagan Quthub Az-Zaman Maulana Abul-Khalil Khan Muhammad Shahib Rahmatullah 'Alaih di Khanqah Sirajiyyah, Pakistan. Semoga Allah sentiasa merahmati beliau.

Kemudian, tatkala beberapa bulan faqir bersuhbat dengan Hadhrat Syaikh Jalalluddin, beliau telah meminta faqir untuk menghimpunkan kesemua laporan Ahwal dan Maqamat Thariqat yang telah faqir terhasilkan bersesuaian dengan sebanyak mana yang telah Allah anugerahkan ke atas diri faqir ini. Apabila Iradat Allah Yang Qadim yang telah mendahului akan kehendak makhlukNya, maka faqir yang tiada nilainya sebutir zarrah ini bermula menghimpunkan sekadar ringkas laporan tersebut sebagai memenuhi adab taat di antara seorang Salik dan Syaikh.

Semoga ianya menjadi rujukan bagi faqir dan Para Ekhwan yang sejalan dengannya dan Syaikhuna mempernama akan dia dengan **"Taqarir Ath-Thariqat"** yang bermaksud "Penetapan-penetapan Thariqat", dan diharap oleh faqir La Syaik Miskin menjadi manafaat dengannya sebagaimana telah memberi manafaat jalan ini iaitu Thariqat Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah kepada Para Masyaikh Akabirin Silsilah ‘Aaliyyah Naqsyabandiyyah yang terdahulu dan khususnya Syaikh kami Asy-Syaikh Jalalluddin Ahmad Bin Nuruddin Ar-Rowi Qaddasallahu Sirrahu.

Allahumma Amin. Wabillahi Taufiq Wala Hawla Wala Quwwata Illa Billah.

<u>AHWAL SEBELUM BAI'AT</u>

Adalah faqir salah seorang insan yang dirahmati Allah dari kecil untuk meminati ilmu-ilmu Agama. Hal keadaan ini berterusan sehingga faqir diberi Hidayah mempelajari dan mengikuti dasar-dasar 'Ilmu Agama. Kesedaran ke arah 'Ilmu Tashawwuf mengalir di tubuh faqir ini diberi oleh Allah Al-Bari melalui ayah dan datuk. Semenjak kecil mendengar Muzakarah mereka serta diberi kebenaran mengamalkan serba sedikit ilmu yang berkaitan. Seterusnya faqir diizinkan berguru dengan ayah dan datuk dan diriku ini ditanam dengan 'Ilmu Haqiqat mengenal diri dan Allah. Setelah masa melampaui sekurang-kurangnya 10 tahun, dengan kembalinya arwah datuk ke Rahmatullah, faqir kehilangan seorang Guru. Puas faqir mencari penggantinya namun tidak ditemukan oleh Allah. Dengan 'Inayah Allah faqir diberi kesempatan mengaji kitab-kitab Tauhid seperti Bakuratul-Almani, Misbahul-Munir, Faridatul-Faraid, Tuhfatul-Murid dan Ummil-Barahin. Kitab Fiqh seperti Fathul-Qarib dan Fathul-Muin dan Tashawwuf seperti Manhalus-Shafi Fi Rumuz Ahlus-Shufi, Al-Hikam Syaikh Ibnu 'Athaillah, Ad-Durrun-Nafis bersama guru-guru pondok samada dari Fathani atau dari Jawa Timur. Setelah mengharunginya beberapa tahun keinginan hati untuk mencari Pembimbing Ruhani terbit kembali. Faqir mula mengkaji berbagai-bagai Thariqat yang muktabar seperti Naqsyabandiyyah, Ahmadiyyah Al-Idrisiyyah dan Syathariyyah. Namun kehendak untuk memahami Thariqat Naqsyabandiyyah yang paling manonjol. Riwayat para Masyaikh Naqsyabandiyyah menjadi perhatian faqir terutamanya Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Asy-Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi Rahmatullah 'Alaihi. Seolah-olah memperolehi limpahan Faidhz dari minat akan diri beliau, bermula faqir menziarahi Syaikh Naqsyabandi Al-Kholidi di Lenggeng, Negeri Sembilan iaitu Asy-Syaikh Tuan Haji Abu Talib bin Rabit Al-Kholidi dan Asy-Syaikh Tuan Guru Abdul Rahman Al-Kholidi namun tiada dianugerahi oleh Allah untuk berbaiat. Doa yang sering dipanjatkan ke Hadhrat Al-Haqq ***"Ya Allah tunjukkanlah aku orang yang dapat menunjukkan aku kepadaMU dan sampaikanlah aku pada orang yang dapat menyampaikan aku kepadaMU."*** Diilhamkan oleh Allah Zat Al-Bari bahawa, ***"Gurumu ada di suatu tempat yang dimulai dengan huruf "Sin" dalam abjad Jawi Melayu."*** Lalu bermula pencarian faqir ke Seremban, Sik, Lenggeng Negeri Sembilan atau Surabaya, Jawa Timur. Akhirnya faqir yang tiada apa-apa ini ditemukan dengan Al-Mukarram Asy-Syaikh Jalalluddin Ar-Rowi yang bermukim di Selayang, Selangor untuk berbai'at dalam Thariqat 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh. Semoga Antum di dalam perlindungan Allah sentiasa. Hamba Al-Faqir yang hina dan kelam dengan dosa ini ialah pembaca setia blog Tuan Syaikh dan ada niat untuk berbai'ah dan bersuhbah dengan Tuan Syaikh untuk memimpin hamba ke Hadhratillah sekiranya hamba sudi diterima oleh Tuan Syaikh.
(Al-Faqir Ilallah Fazli Hamzah) 16 Jan 2014

Mursyid: Wa'alaikumussalam, semoga Allah merahmati, lakukan Shalat Taubat, Shalat Hajat dan Shalat Istikharah, jika kuat Iradat maka datanglah kehadhrat kami untuk berbai'at.

Murid: Assalamu'alaikum Tuan Syaikh, semoga Antum sentiasa di dalam perlindungan Allah. Selepas pesanan Tuan Syaikh tempoh hari kuat benar Iradat hamba nak bertemu dengan Tuan. Hamba ini dari Shah Alam.
(Fazli Hamzah) Jan 20

Mursyid: Wa'alaikumussalam, Tabarakallah, Birahmatillah, boleh datang ke Khanqah pada hari Ahad hadir Majlis Suhbat dan berbai'at.

Murid: Assalamu'alaikum Tuan Syaikh, saya di Bandar Sri Gombak sekarang. Mohon antum tunjukan jalan ke Khanqah.
(Fazli Hamzah) Jan 26

AHWAL SEMASA BAI'AT

Pertemuan faqir dengan Al-Mukarram Asy-Syaikh Jalalluddin Ar-Rowi untuk berbai'at diawali dengan demam yang berat dan kerja yang terlalu membebankan. Namun di saat hari pertemuan dirancang, faqir sembuh dan kerja dapat dilunaskan. Kehairanan mula berlegar di ruang kepala kerana semua perkara dipermudahkan Allah Ta'ala untuk berbai'at dalam Thariqat 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah ini. Keyakinan diri mula bertambah. Anak sulung faqir iaitu Muhammad Ridwan yang berumur 15 tahun ketika itu faqir bawa bersama di saat bertemu dengan Syaikh sebagai tunjuk ajar seorang ayah kepada anak untuk mengenali 'Ilmu Thariqat yang semakin dipinggirkan pada masa ini dan apatah lagi di masa akan datang. Kami bergerak ke Madrasah Ulul Azmi, Wira Damai bersama Syaikh serta kami berdua dibai'atkan dengan Thariqat Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah.

AHWAL SESUDAH BAI'AT

Sesudah berbai'at dengan Al-Mukarram Asy-Syaikh Jalalluddin Ar-Rowi faqir telah ditalqinkan dengan Zikir Ismu Zat pada Lathifah Qalb dan dan Lathifah Ruh.Terasa bergetar tubuh ketika faqir ditawajjuhkan di kedua Lathifah tersebut. Kegembiraan batin sukar digambarkan. Terhasil satu kelepasan daripada Zhulmat mencari jalan Ma'rifat akan Allah Ta'ala dan seolah-olah jalan yang terang telah mula dibukakan Allah Ta'ala. Di sini juga bermulalah faqir meninggalkan segala Zikir Hasanat dan kegiatan Zikir Darajat dijadikan amalan setiap hari.

INTISAB SYAJARAH THAYYIBAH

1. Hamba yang faqir haqir di bawah telapak kaki Para Masyaikh Buzurgan dan tiada apa-apa lagi miskin Fazli Bin Hamzah telah menerima Bai'at Nisbat Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah daripada;
2. Hadhrat Syaikh Jalalluddin Ahmad Bin Nuruddin Ar-Rowi 'Afa Allahu 'Anhu yang menerima daripada;
3. Hadhrat Syaikh Maulana Khan Muhammad Shahib Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
4. Hadhrat Syaikh Maulana Muhammad 'Abdullah Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
5. Hadhrat Syaikh Maulana Abus-Sa'ad Ahmad Khan Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
6. Hadhrat Syaikh Maulana Haji Muhammad Sirajuddin Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
7. Hadhrat Syaikh Maulana Haji Muhammad 'Utsman Damani Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
8. Hadhrat Syaikh Maulana Haji Dost Muhammad Qandahari Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
9. Hadhrat Syaikh Maulana Syah Ahmad Sa'id Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
10. Hadhrat Syaikh Maulana Syah Abu Sa'id Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
11. Hadhrat Syaikh Maulana Syah Ghulam 'Ali Ad-Dehlawi Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
12. Hadhrat Syaikh Maulana Mirza Mazhhar Jan Janan Syahid Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
13. Hadhrat Syaikh Sayyid Nur Muhammad Budayuni Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
14. Hadhrat Syaikh Saifuddin Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
15. Hadhrat Qayyum Syaikh Muhammad Ma'shum Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;

16. Hadhrat Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
17. Hadhrat Syaikh Muhammad Baqi Billah Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
18. Hadhrat Syaikh Muhammad Khwajagi Amkanggi Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
19. Hadhrat Syaikh Darwisy Muhammad Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
20. Hadhrat Syaikh Muhammad Zahid Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
21. Hadhrat Syaikh 'Ubaidullah Ahrar Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
22. Hadhrat Syaikh Ya'qub Charkhi Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
23. Hadhrat Syaikh 'Alauddin 'Atthar Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
24. Hadhrat Syaikhnya Khwajah Khwajagan Syah Bahauddin Naqsyaband Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
25. Hadhrat Syaikh Sayyid Amir Kullal Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripadan;
26. Hadhrat Syaikh Muhammad Baba Sammasi Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
27. Hadhrat Syaikh 'Azizan 'Ali Ramitani Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
28. Hadhrat Syaikh Mahmud Anjir Faghnawi Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
29. Hadhrat Syaikh 'Arif Riwagari Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
30. Hadhrat Syaikh 'Abdul Khaliq Al-Ghujduwani Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
31. Hadhrat Syaikh Yusuf Al-Hamdani Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
32. Hadhrat Syaikh Abu 'Ali Al-Faramadi Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
33. Hadhrat Syaikh Abul-Hassan 'Ali Al-Kharqani Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;
34. Hadhrat Syaikh Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'Alaih yang menerima daripada;

35. Hadhrat Syaikh Imam Ja'afar Shadiq Radhiyallahu 'Anhu yang menerima daripada;

36. Hadhrat Imam Qassim Bin Muhammad Bin Abu Bakar Ash-Shiddiq Radhiyallahu ‘Anhum yang menerima daripada;

37. Shahibi Rasulillah Hadhrat Salman Al-Farisi Radhiyallahu ‘Anhu yang menerima daripada;

38. Khalifati Rasulillah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam Hadhrat Sayyidina Abu Bakar Ash-Shiddiq Radiallahu 'Anhu yang menerima daripada;

39. Syafi’ul-Muznibin Rahmatan Lil-‘Aalamin Hadhrat Muhammad Rasullullahi Sallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Washahbihi Wabaraka Wassalam.

THARIQAT PERTAMA - DAERAH IMKAN

PENGERTIAN THARIQAT

Pengertian Thariqat yang terbaik yang pernah dicatat oleh Para 'Ulama Tashawwuf menurut faqir adalah seperti berikut; Thariqat menurut bahasa ertinya jalan, keadaan, aliran atau garis pada sesuatu. Dari sudut istilah Ahli Tashawwuf, Thariqat adalah menjauhi larangan dan melaksanakan perintah Allah sesuai dengan kesanggupan seseorang baik perintah yang zahir maupun batin demi mencapai keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Iaitu jalan atau petunjuk dalam melakukan ibadah kepada Allah sesuai dengan ajaran yang ditentukan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam dan yang telah dikerjakan oleh Para Shahabat dan Tabi'in Waratsatul-Anbiya turun menurun sampai kepada Para Masyaikh bersambung-sambung dan berantai-rantai. Guru-Guru yang memberikan bimbingan ini dinamakan Mursyid. Para 'Ulama Tashawwuf berkeyakinan bahawa hukum-hukum serta peraturan-peraturan dalam 'Ilmu Syari'ah akan dapat dilaksanakan oleh seseorang dengan sebaik-baiknya dengan melalui jalan Thariqat.

DAERAH IMKAN

Daerah Imkan ialah suatu daerah atau keluasan yang menyeluruh ciptaan Allah Ta'ala iaitu Alam Mumkin Wujud yang diiktibarkan seperti suatu lingkaran bulatan yang tiada diketahui hujungnya dan pangkalnya pada Alam Mitsal. Ianya dibahagi oleh 'Arasy Majid pada tengahnya. Separuh bahagian atas adalah Alam Amar bermula dari Arasy Majid sehingga seatas-atasnya yang mungkin dan separuh bahagian dari bawah 'Arasy Majid adalah Alam Khalaq ke sebawah-bawahnya yang mungkin yang hanya diketahui oleh Allah Ta'ala. Perbandingan di antara Alam Kabir Alam Semesta dan Alam Saghir Tubuh Insan terdapat persamaan yang Ijmali iaitu 'Arasy Majid di Alam Kabir boleh dibandingkan dengan Qalb di Alam Saghir. Alam Amar iaitu alam kejadian Allah Ta'ala menerusi perintah "KUN" sahaja ianya akan terzahir dan berlaku secara langsung dan tanpa perantaraan dan sebab atau dengan kata lain suatu alam yang kosong dari sebarang madah dan kadar seperti arwah, malaikat dan Lathaif Mujarradah. Alam Amar juga disebut dengan Alam Arwah, Alam Lahut dan Alam Jabarut. Sebaliknya, Alam Khalaq adalah alam yang dicipta Allah Ta'ala dengan sesuatu madah dan kadar yang melalui proses kejadian berperingkat-peringkat dan mengambil kadar tempoh masa yang tertentu. Alam Khalaq juga disebut dengan nama Alam Asbab, Alam Ajsam dan Alam Nasut.

LATHAIF 'ASYARAH

Menurut Hadhrat Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi Rahmatullah 'Alaih, Lathaif 'Asyarah Sepuluh Lathifah adalah terhimpun pada setiap kejadian iaitu Insan itu terdiri dari perhimpunan Sepuluh Lathifah. Lima Lathifah bertakluk dengan Alam Amar dan asalnya adalah di atas 'Arasy Majid iaitu Alam Arwah yang kewujudannya ***La Makaniyyat*** yakni Tiada Bertempat. Lima Lathifah lagi adalah bertakluk dengan Alam Khalaq iaitu di bawah ‘Arasy Majid dan kesemua Sepuluh Lathifah tersebut itu termasuk di dalam kejadian Allah Ta'ala di dalam Alam Imkan.

Apabila Allah Ta‘ala menjadikan jasad tubuh badan manusia yang terdiri dari Nafs dan empat anasir iaitu Angin, Air, Api dan Tanah, telah dikurniakan juga kepada manusia akan lima Lathifah Alam Amar ke tubuhnya untuk bergabung dengan jasadnya dan telah lupa akan asal-usulnya.

ALAM AMAR:

1. Asal 1: Qalb
2. Asal 2: Ruh
3. Asal 3: Sir
4. Asal 4: Khafi
5. Asal 5: Akhfa

ALAM KHALAQ:

1. Nafs
2. Angin
3. Air
4. Api
5. Tanah

KAIFIYYAT ZIKIR ISMU ZAT

1. Istighfar - 25x [Astaghfirullaha Rabbi Min Kulli Zanbin Wa Atubu Ilaihi]
2. Alhamdu Syarif - 1x [Surah Al-Fatihah dengan A'uzubillah dan Bismillah]
3. Qul Huwa Allah - 3x [Surah Al-Ikhlas dengan Bismillah]
4. Hadiahkan pahala bacaan tersebut kepada sekelian Arwah Para Masyaikh, Ucapkan: "Ya Allah! Telahku hadiahkan seumpama pahala bacaan Fatihah dan Qul Huwa Allah kepada sekalian Arwah Muqaddasah Masyaikh Kibaar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah."
5. Bayangkan hadirnya Maut. Ucapkan dalam hati, "Aku sudah mati, dimandikan orang, dikapankan orang, disembahyangkan orang, dihantarkan orang jenazah aku ke dalam liang lahad."
6. Khayalkan hati sedang mengucapkan "*Allah Allah*" tanpa menggerakkan lidah.
7. Rabithah Syaikh. Hendaklah menghadirkan Syaikh dan memelihara bayangan wajah Syaikh yang mentalqinkan Zikir di dalam fikiran atau hati kita ketika berzikir.
8. Tawajjuhkan diri terhadap hati dan hati bertawajjuh kepada Allah Ta'ala. Ini adalah Wuquf Qalbi.
9. Sentiasa Muraqabah dengan mengkhayalkan limpahan Faidhz dari Allah Ta'ala jatuh pada hati kita.
10. Sesudah beberapa lama kemudian, ucapkan dalam hati dengan rasa rendah diri dan mengharap dengan ucapan Baz Gasht: *"Ilahi Anta Maqsudi Wa Ridhaka Mathlubi, A'thini Mahabbataka Wa Ma'rifataka,"* [Arab] atau *"Khudawanda! Maqsudi Man Tui Wa Ridhoi Tu, Mahabbat Wa Ma'rifati Khud Badih"* [Parsi] yang bermaksud, *"Ya Tuhanku! Maksudku hanyalah Engkau dan KeredhaanMu, Kurniakanlah Cinta dan Ma'rifatMu."* Wuquf Qalbi dan Baz Gasht adalah antara syarat Zikir. Jika berwudhuk sangatlah besar faedahnya namun ia bukanlah syarat.
11. Pada waktu kelapangan samada dalam satu majlis atau majlis yang berbilang-bilang, hendaklah mengerjakan Zikir ini sebanyak 24,000 dua puluh ribu kali sehari semalam, lebih kurang dalam dua setengah jam untuk dilakukan. Begitulah ketika berjalan, berbaring, bangun dan duduk, samada berwudhuk ataupun tidak, setiap waktu dan keadaan hendaklah tetap tekun berzikir sehinggalah amalan Zikir itu menjadi sifat yang lazim bagi hati.

ADAB ZIKIR ISMU ZAT

1. Membersihkan diri dari Hadats Kecil dan Hadats Besar.
2. Menghadap Qiblat.
3. Duduk Tasyahhud.
4. Tempat yang bersih dan tenang.
5. Pakaian yang bersih dan menutup aurat.
6. Memakai wangi-wangian.

SYARAT-SYARAT ZIKIR ISMU ZAT

1. Menghayati makna lafaz Zikir Ismu Zat iaitu mengerti dengan sebenar akan maksud kalimah Zikir iaitu selain daripada Hadhrat Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala tiada sesuatu pun yang menjadi maksud.

2. Wuquf Qalbi iaitu bertawajjuh terhadap Qalb iaitu menghadapkan pandangan dan pemerhatian batin terhadap Qalb dan Qalb bertawajjuh terhadap Hadhrat Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta terarah pandangan batin ke arah atas kerana memelihara adab kerana kedudukan Allah adalah atas daripada sekelian makhluk sambil menantikan limpahan Faidhz dari Mabda Faidhz iaitu Hadhrat Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

3. Nigah Dasyat iaitu menghentikan segala khayalan hati dan was-was. Setiap kali ada sesuatu selain dari kehadiran Zat Allah Allah Subhanahu Wa Ta'ala hadir ke dalam hati, maka hendaklah dengan bersegera dan bersungguh-sungguh menjauhkannya.

4. Baz Gasht iaitu kembali mengucapkan kalimah,

إلهي أنت مقصودي ورضاك مطلوبي أعطني محبتك ومعرفتك

"Ilahi Anta Maqsudi Wa Ridhoka Matlubi, A'thini Mahabbataka Wa Ma'rifataka"

Laporan Ahwal Zikir Ismu Zat

Murid: Salamun'alaikum Syaikhku Syaikh Jalalluddin, Ana baca Syajarah Thayyibah selepas Shalat Shubuh. Kemudian Ana buat Kaifiyyat Zikir Ismu Zat dan terus pergi kerja dan sambung Zikir. Perlukah ulang Kaifiyyat Zikir itu selepas berhenti umpama 30 minit?
(Fazli Hamzah) Jan 27

Mursyid: Wa'alaikumussalam, Sebaik-baiknya demikianlah jika kita berhenti dan mula mengingati Dunia yang selain Allah, tapi jika berhenti dalam kadar yang tiada fikiran tentang selain Allah atau Rabithah maka tidak perlu mengulangi Kaifiyyat dari mula Istighfar, cuma perlu mulakan dengan dua syarat utama iaitu Wuquf Qalbi dan Baz Gasyt beberapa kali, kemudian terus Zikir ***"Allah Allah"*** pada Lathifah Qalb dan Ruh.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikhku, Syaikh Jalalluddin. Atas izin Syaikh, Ana cuba lakukan Zikir pada Lathifah Qalb dan Ruh dengan serentak setiap masa. Pada mulanya terasa kuat di Qalb dan lemah di Ruh. Kemudian dengan Faidhz dari Allah dan berkat Para Masyaikh sudah mula terasa hampir sama kuat. Alhamdulillah Syaikh, mohon doakan dan Tawajjuhkan Ana.
(Fazli Hamzah) Jan 29

Mursyid: Wa'alaikumussalam, semoga Allah merahmati, teruskan Zikir sehingga Fana dan tenggelam dalam mengingati Zat Allah.

Murid: Syaikhku, Syaikh Jalalluddin, seluruh tubuh Ana terasa lemah dan seperti tiada kekuatan dan kaku. Dari kepala sampai ke kaki. Panas matahari pun tak terasa. Cuma yang Ana ingat hanya Allah..
(Fazli Hamzah) Jan 29

Mursyid: Banyakkan Istighfar Taubat dan Rabithah

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh. Lathifah Qalb dan Lathifah Ruh faqir mula bertawajuh tanpa arah pada Zat Allah. Pandangan pada Lathifah Ruh mula tembus pada orang. Nampak dalaman seseorang.
(Fazli Hamzah) May 26

Mursyid: Wa'alaikumussalam, Tawajjuh tanpa arah terhadap Zat Allah akan berlaku pada semua Lathifah. Pandangan hendaklah memandang terhadap langkahan kaki dan perasaan hati diri sendiri, tutup pandangan yang menampakkan langkahan kaki orang lain dan dalaman dirinya. Zikir sebanyak banyaknya dengan Yaad Dasyat, ingatan yang bersungguh-sungguh sehingga Tawajjuh terhadap Zat berlaku pada seluruh hati, akal dan jasad.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh, faqir yang seperti debu dan tiada bermodal apa-apa baru mengalami keluasan Qalbi seluas dada. Kemudian dengan limpahan Faidhz

Hadhrat Ilahi menerusi Para Masyaikh Akabirin Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah serta Tawajjuh Hadhrat Syaikh sendiri terpekik pada Qalbi faqir yang tiada modal ini lafaz Allah sehingga luas dada. Kemudian atas kehendak Allah melepasi paras kepala. Terbentuklah Nur bulat putih di atas kepala faqir yang berlebih-lebihan dalam mengungkap Ahwal yang tiada seberapa ini dan tiada adab ini. Seterusya lafaz Allah terasa disebut oleh faqir di luar diri. Segala yang disaksi semuanya Allah. Dan beberapa Ahwal lain yang tiada apa-apa nilainya. Semoga Syaikh maafkan faqir kerana melampaui adab.
(Fazli Bin Hamzah) May 31

Mursyid: Wa'alaikumussalam, semoga Allah merahmati, segala kesempurnaan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam dan Haqiqat Muhammadiyyah adalah terzahir menerusi Para Sahabat dan Ummat Baginda, demikian juga kesempurnaan Ahwal dan Maqamat Syaikh akan terzahir menerusi Ahwal dan Maqamat yang terzahir pada Para Murid dan Salikin Thariqat. Ahwal yang berlaku adalah ibarat bagi persediaan Ruhani untuk merentas ke batas-batas penghujungan Daerah Imkan. Zikir dan Rabithah dengan Yaad Dasyat, In Syaa Allah esok boleh beralih ke Maqam Nafi Itsbat. Wassalam Wal-Ikram.

Murid: Pimpinlah faqir yang seperti debu di bawah tapak kaki Syaikh ini.
(Fazli Bin Hamzah) May 31

Mursyid: Pada 6-7/6/2014 Jumaat dan Sabtu faqir bercadang hendak ke Pulau Besar. Rabithah bererti ingatan terhadap Syaikh dan Masyaikh-Masyaikh yang terdahulu dalam Silsilah, sehingga ingatan tentang diri sendiri menjadi lenyap kerana ingatan terhadap Rabithah.

Murid: In Syaa Allah faqir turut serta.
(Fazli Bin Hamzah) May 31

LATHAIF KHAMSAH ALAM AMAR

LATHIFAH QALB

Kedudukan : Dengan anggaran dua jari di bawah puting cenderung ke arah ketiak.
Takluk Nabi : Nabi Adam 'Alaihissalam
Takluk Alam : Alam Malakut - Alam Para Malaikat
Takluk Warna : Kuning
Ahwal : Zikir peringkat permulaan bagi Salik memang amat menyukarkan untuk menghabiskan bilangan Zikir sebanyak 24,000 kali sehari semalam. Dengan mencari masa yang bersesuaian untuk berzikir serta memahami Kaifiyyat Zikir yang telah ditetapkan juga amat menguji kesabaran. Cuma latihan yang berterusan serta Himmah yang tinggi serta 'Inayah dari Allah terhindar segala kesulitan. Bilangan buah Tasbih semakin cepat tetapi Zikir di Qalb terus ketinggalan. Namun setelah segala kesukaran beransur hilang maka timbul ketenteraman dalam Zikir. Juga terzahir pada Qalb bahawa ada pertalian dan perhubungan yang tidak boleh dipisahkan di antara Qalb dan Ruh. Zikir sudah mula bergerak sendiri tanpa paksaan. Seluruh jasad lemah dan kaku selama beberapa minit.
Musyahadah : Zikir terdengar pada telinga batin kuatnya seperti telinga zahir. Seperti mengalami sedikit kehilangan perbuatan diri sendiri. Mimpi yang bercampur di antara orang Shalih dan Syaitan. Warna Nur kekuningan terzahir pada Qalb.
Ma'arif : Lathifah Qalb adalah bertakluk kepada Alam Malakut dan Wilayat Nabi Adam 'Alaihissalam serta berada di tingkatan pertama di atas 'Arasy di Alam Amar. Shifat yang dikurniakan Allah dengan Lathifah Qalb adalah As-Sami' Yang Maha Mendengar dan sifat mendengar adalah keutamaan Para Malaikat kerana mereka diciptakan untuk taat akan perintah Allah. Mimpi yang terhasil pada Lathifah Qalb adalah mimpi bercampur antara orang Shalih dan Syaitan. Lathifah Qalb juga adalah tempat Tajalliyyat Shifat Af'aliyyah dan lemah dan kakunya jasad adalah berkaitan.

LATHIFAH RUH

Kedudukan : Dua jari di bawah tetek kanan.
Takluk Nabi : Nabi Nuh 'Alaihissalam dan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam
Takluk Alam : Alam Jabarut - Alam Arwah
Takluk Warna : Merah

AHWAL

Zikir pada Maqam ini memang terasa amat payah kerana terasa kedalaman kehalusan Lathifah ini daripada sebelumnya. Pada Maqam ini dapat dirasakan sifat kita yang berubah-ubah dan tidak tetap. Sifat pemarah yang faqir ingat tiada, mula meluap dan timbul. Kemudian hilang. Ketakutan akan hal Duniawi mula terbentuk serta diri mudah sedih dan lebih sensitif. Juga seolah-olah dihembus angin sejuk titik pusat pada Maqam ini. Akhirnya warna Nur Merah terzahir pada Lathifah Ruh ini. Zikir sudah mula bergerak sendiri.

MUSYAHADAH

Mimpi sewaktu tidur dihiasi dengan mimpi akan orang-orang Shalih. Terhasil kembali seluruh badan jadi kaku dan gagal digerakkan pada ketika berbaring. Terbuka mata Bashirah melihat akan tubuh manusia sehingga ke dalam pakaian.

MA'ARIF

Lathifah Ruh adalah bertakluk kepada Alam Jabarut dan Wilayat Nabi Nuh 'Alaihissalam dan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam serta berada di tingkatan kedua di atas 'Arasy di Alam Amar. Sifat-sifat yang Allah kurniakan kepada Ruh sewaktu di Alam Arwah adalah Al-Bashir Yang Maha Melihat dan Asy-Syahid Yang Maha Menyaksi.

LATHIFAH SIRR

Kedudukan : Dua jari di atas tetek kiri cenderung ke arah dada
Takluk Nabi : Nabi Musa 'Alaihissalam
Takluk Alam : Alam Lahut - Alam Bayangan Sifat-Sifat Allah
Takluk Warna : Putih

AHWAL

Terdapat rasa 'Uruj pada Maqam sebelumnya. Ini menyebabkan rasa yang membuak-buak pada Maqam ini. Rasa membuak-buak tersebut hilang dan timbul rasa sejuk dan tenang. Perasaan kedekut mula berkurangan. Ketika Shalat seperti terdengar Zikir ***Allah Allah*** dan Shalat lebih baik. Ketika hendak dan sedang Shalat seluruh tubuh seperti tak bermaya atau tiada kekuatan diri melainkan semuanya Allah. Terdapat shifat Mazmumah yang belum dapat dihilangkan atau berkurangan iaitu dengki, dendam dan takabur.

MUSYAHADAH

Terdengar satu suara yang tidak tahu dari mana memanggil nama faqir dengan jelas. Tiada sebarang mimpi bagi faqir pada Maqam ini. Cuma kadang-kadang ada suara dalaman yang menyebut beberapa patah ayat Al-Quran. Akan terasa sejuk juga pada Maqam ini dan jelas Nur warna putih berkilat menyambar. Yang terakhir datang suara menyebut, ***"Wahuwa Ma'akum Aina Ma Kuntum."***

MA'ARIF

Takluk Alam pada Lathifah Sirr ialah Alam Lahut dan Wilayat Nabi Musa 'Alaihissalam dan berada di tingkatan ketiga di atas 'Arasy di Alam Amar. Nabi Musa 'Alaihissalam pernah berkata-kata dan mendengar Suara Allah. Maka seseorang Salik itu di sini seolah-olah mengalami perbualan dengan Allah di dalam hatinya.

LATHIFAH KHAFI

Kedudukan : Dua jari di atas tetek kanan cenderung ke arah dada
Takluk Nabi : Nabi 'Isa 'Alaihissalam
Takluk Alam : Alam Bahut - Alam Sifat-Sifat Allah
Takluk Warna : Hitam

AHWAL

Menjadi orang yang pendiam kerana kurang bercakap dan sibuk dengan diri sendiri dan Allah Ta'ala. Terasa berkurangan sifat dengki dan iri hati.

MUSYAHADAH

Terzahir Nur Hitam yang jernih serta kadang-kadang datang gelap dan kadang-kadang datang terang.

MA'ARIF

Takluk Alam Bahut pada Lathifah Khafi iaitu Alam Sifat-Sifat Allah dan berada di tingkatan keempat di atas 'Arasy di Alam Amar menghasilkan sikap kehairanan akan kehadiran Allah Ta'ala sehingga tiada upaya bercakap.

LATHIFAH AKHFA

Kedudukan : Di tengah-tengah dada
Takluk Nabi : Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam
Takluk Alam : Alam Hahut - Alam Zat Allah
Takluk Warna : Hijau

AHWAL

Zikir pada Maqam ini terasa macam hampa dan kadang-kadang jauh dan sayup kedengaran suara Zikir. Terasa sunyi yang bersangatan. Telinga zahir seperti tersumbat dan tidak kuasa mendengar suara luaran makhluk. Sifat bangga diri semakin berkurangan dan hasil sikap tak ambil peduli hal sekeliling. Kadang-kadang terasa berat di kepala.

MUSYAHADAH

Terzahir Nur cahaya hijau. Terkadang terlihat cahaya kejernihan menembusi setiap Lathifah dan 'Uruj ke atas melalui ubun-ubun.

MA'ARIF

Takluk Alam Hahut pada Lathifah Akhfa iaitu Alam Zat Allah Ta'ala. Ianya berada di tingkatan yang kelima di atas 'Arasy di Alam Amar. Pada Lathifah Akhfa tersembunyi rahsia yang mendalam tentang Haqiqat Zat Allah Ta'ala. Oleh sebab itu terasa kehampaan, kejauhan, kesayupan dan kesunyian yang bersangatan. Di sinilah akan terhasil sikap Salik mengasingkan diri dari khalayak ramai dan bersunyi diri.

LATHIFAH NAFS DAN QALIBIYYAH ALAM KHALAQ

LATHIFAH NAFS

Kedudukan : Di tengah-tengah otak di antara dua kening.
Takluk Alam : Alam Khalaq
Takluk Warna : Biru keputihan

AHWAL

Terasa pening dan berat di kepala dan seperti ingin meletup. Ada satu bulatan berlubang di tengah dahi.

MUSYAHADAH

Mimpi datang Qarin Nafs serta berkata yang dialah yang mengatur dan mengawal diri faqir. Segala urusan perlu diserahkan kepadanya.Terzahir Nur cahaya putih kebiruan.

MA'ARIF

Lathifah Nafs takluknya adalah dengan Alam Khalaq yakni alam ciptaan yang berada di bawah 'Arasy. Ia adalah tempat penzahiran Aqal manusia yang bersifat halus pada otak yang berada di dalam tempurung kepala. Ianya adalah sifat KEAKUAN diri. Sifat semulajadinya terdiri dari sifat-sifat kemanusiawian dan kehaiwanan. Ianya juga tempat dipengaruhi Syaitan. Dengan mengikuti Nafs kita akan membelakangkan segala perintah Allah.

EMPAT ANASIR

1. Unsur Pertama : Angin
2. Unsur Kedua : Air
3. Unsur Ketiga : Api
4. Unsur Keempat : Tanah

LATHIFAH QALIBIYYAH KULLI JASAD

Kedudukan : Seluruh Tubuh
Taklukan : Alam Khalaq

AHWAL

Terasa daging di kiri dan kanan lengan bergerak-gerak, seluruh tubuh berzikir seperti perjalanan darah di tubuh. Dengan menarik nafas dan melepaskan nafas sahaja terasa Zikir ke seluruh tubuh mengalir. Terasa Ruhani seperti ingin 'Uruj ketika menarik nafas. Seluruh tubuh terus bergetar-getar dan seperti berdenyut-denyut atau menggigil dengan zikir Ismu Zat sehingga ke setiap zarrah tubuh. Ketika Shalat terlalu kuat getaran Zikir sehingga seluruh jasad bergetar tak henti-henti dan menyebabkan ketika Qiyam sambil menggigil. Ketika sujud hilanglah getaran dan sujud menjadi terlalu lama.

MUSYAHADAH

Terdengar suara yang kuat pada sebelah kiri, "KAU INGAT KAU ITU SIAPA? TIDAK AKAN KAU SAMPAI MENGENAL DIA." Faqir menepis suara itu dengan berkata, "AKU INI HAMBANYA YANG FAQIR DAN DIALAH ZAT YANG KAYA DAN LEPAS DARI SESUATU DAN AKU BERJALAN INI DENGAN KEHORMATAN SYAIKHKU DAN PARA MASYAIKH AKABIRIN SILSILAH 'AALIYYAH NAQSYABANDIYYAH MUJADDIDIYYAH YANG TELAH MELALUINYA." Suara itu terus lenyap. Kemudian faqir sampai ke suatu tempat seperti bangunan masjid yang bertiang dan berkubah dan di luarnya ada tempat yang terlalu luas dan rata serta faqir seolah-olah melihat dari arah atas ke bawah kelihatan seseorang berjubah dan berserban sedang Shalat bersendirian. Kemudian faqir tiba di suatu tempat ibarat seperti suatu lautan yang terlalu luas dan airnya jernih putih kebiruan dan kelihatan Hadhrat Syaikh Jalalluddin Ar-Rowi sedang mengambil wudhuk di tepi laut itu serta menoleh kepada faqir. Kemudian tersentak faqir lalu sedar. Keadaan Zikir Ismu Zat yang bergetar dengan kuat sebelum bermuraqabah tadi menjadi tenang. Musyahadah akan segala jisim diri adalah jisim Syaikh. Di mana-mana sahaja dilihat adalah Syaikh di situ. Hadhrat Khwajah Muhammad Baqi Billah Rahmatullah 'Alaih pernah hadir di Alam Mitsal ketika kegiatan berzikir harian dan memberikan Tawajjuhnya pada faqir pada Lathifah Sirr dengan meletakkan dua jari beliau yang mulia itu ke dada faqir yang ibarat debu tanah ini. Termasuk juga kehadiran Hadhrat Khwajah Muhyiddin Syaikh 'Abdul Qadir 'Al-Jailani Rahmatullah 'Alaih dan meletakkan sebelah tapak tangannya yang mulia di atas ubun-ubun kepala faqir yang tiada modal apa-apa ini lalu berkata, "Dengan izin Allah Ta'ala naiklah Maqam kamu selepas ini." Terasa seluruh zarrah dan jasad faqir berzikir. Seterusnya kehadiran di Alam Mitsal Hadhrat Khwajah Khwajagan Syah Bahauddin Naqsyaband Rahmatullah 'Alaih lalu memberi Salam dan diri faqir yang hina ini dipeluk dengan erat sehingga sesak nafas sambil berkata, "Selamat Datang ke Thariqat kami." Kemudian, faqir dianugerahkan limpahan Faidhz daripada Hadhrat Ilahi melalui Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah ini, lalu tiba-tiba terpekik Lafzul-Jalalah sekuat-kuatnya pada Qalb serta terbukalah Lathifah Qalb sehingga seluas-luasnya dada. Semua Lathifah terasa 'Uruj dan terbentuklah satu bulatan Nur di atas luar kepala faqir. Kehairanan timbul kerana Zikir sudah mula di luar diri. Segala sesuatu di luar diri berzikir ***Allah Allah***. Semua dilihat hanya Allah. Terasa diri seperti cermin yang tembus dan bulat di dada yang bersambung terus ke Syaikh, Masyaikh hingga ke Hadhrat Mubarrak Rasullulah Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Washahbihi Wabaraka Wasallam. Terdengar bunyi Shalawat lalu ketika itu terdengar suara mengatakan **"Assalamualaikum, selamat datang ke Thariqat kami dan kamu adalah sebahagian dari kami. Hari ini telah disempurnakan Agama kamu."** Faqir pun tiba di suatu Khanqah yang luas dan terlihat Hadhrat Syaikh Jalalluddin Ar-Rowi telah ada di dalamnya beserta Hadhrat Maulana Khan Muhammad Sahib Rahmatullah 'Alaih di sebelahnya dan kesemua Masyaikh. Hadhrat Syaikh Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi memberi Salam lalu berkata, "Selamat Datang." Hadhrat Khwajah Khan Muhammad Sahib bertanya, "Siapa nama anda?" "Nama faqir Fazli." Diperintahkan faqir duduk.

Alam Saghir : Alam Kecil (Mikrokosmos) iaitu alam diri insan yang kecil
Alam Kabir : Alam Besar (Makrokosmos) iaitu alam semesta yang besar

THARIQAT KEDUA - WALAYAT SUGHRA

KAIFIYYAT ZIKIR NAFI ITSBAT

1. Istighfar - 25x [Astaghfirullaha Rabbi Min Kulli Zanbin Wa Atubu Ilaih]
2. Alhamdu Syarif - 1x [Surah Al-Fatihah dengan A uzubillah dan Bismillah]
3. Qul Huwa Allah - 3x [Surah Al-Ikhlas dengan Bismillah]
4. Hadiahkan pahala bacaan tersebut kepada sekelian Arwah Para Masyaikh, ucapkan: **"Ya Allah! Telahku hadiahkan seumpama pahala bacaan Fatihah dan Qul Huwa Allah kepada sekalian Arwah Muqaddasah Masyaikh Kibaar Silsilah 'Aliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah."**
5. Bayangkan hadirnya Maut, ucapkan dalam hati: **"Aku sudah mati, dimandikan orang, dikapankan orang, disembahyangkan orang, dihantarkan orang jenazah aku ke dalam liang lahad."**
6. Buang nafas dan tahan di bawah pusat serta tongkatkan lidah ke langit-langit. Hati mengucapkan LA sambil menariknya dari pusat hinggalah ke otak dan ketika menyebut lafaz ILAHA hendaklah membawanya ke arah bahu kanan dan ketika menyebut lafaz ILLA ALLAH hendaklah dipalukan ke hati dengan merasakan kesannya terhadap kesemua Lathaif Alam Amar dan Alam Khalaq tanpa menggerakkan lidah dan anggota tubuh badan. Zikir dalam bilangan ganjil dan ketika hendak melepaskan nafas ucapkan MUHAMMADUR RASULULLAH.
7. Tawajjuhkan diri terhadap hati dan hati bertawajjuh kepada Allah Ta'ala. Ini adalah Wuquf Qalbi.
8. Sentiasa Muraqabah dengan mengkhayalkan limpahan Faidhz dari Allah Ta'ala jatuh pada hati kita.
9. Sesudah beberapa lama kemudian, ucapkan dalam hati dengan rasa rendah diri dan mengharap dengan ucapan Baz Gasht: **"Ilahi Anta Maqsudi Wa Ridhoka Matlubi, A tini Mahabbataka Wa Ma'rifataka." [Arab] atau "Khudawanda! Maqsudi Man Tui Wa Ridhoi Tu, Mahabbat Wa Ma'rifati Khud Badih" [Parsi] yang bermaksud, "Ya Tuhanku! Maksudku hanyalah Engkau dan KeredhaanMu, Kurniakanlah Cinta dan Ma'rifatMu."** Wuquf Qalbi dan Baz Gasht adalah di antara syarat-syarat Zikir. Jika berwudhuk sangatlah besar faedahnya namun ia bukanlah syarat. Begitu juga menahan nafas bukanlah syarat namun mengandungi rahsia dan faedah yang amat besar.
10. Pada waktu kelapangan samada dalam satu majlis atau majlis yang berbilang-bilang, hendaklah mengerjakan Zikir ini sebanyak 2 ribu kali sehari semalam, lebih kurang dalam dua jam untuk dilakukan.
11. Begitulah ketika berjalan, berbaring, bangun dan duduk, samada berwudhuk ataupun tidak, setiap waktu dan keadaan hendaklah tetap tekun berzikir sehinggalah amalan Zikir itu menjadi sifat yang lazim bagi hati.

SYARAT ZIKIR NAFI ITSBAT

1. Menghayati makna lafaz Zikir Nafi Itsbat iaitu mengerti dengan sebenar akan maksud Kalimah Nafi Itsbat iaitu iaitu: **"Daku tidak bermaksud kepada selain dari Zat Allah Yang Maha Suci."** Adalah menjadi syarat sewaktu melakukan Zikir Nafi, hendaklah menafikan kewujudan diri dan sekelian yang wujud manakala ketika Zikir Itsbat, hendaklah mengitsbatkan hanya Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang Maha Suci.

2. Wuquf Qalbi ertinya bertawajjuh terhadap Qalb iaitu menghadapkan pandangan dan permerhatian batin terhadap Qalb dan Qalb bertawajjuh terhadap Hadhrat Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta terarah pandangan batin ke arah atas kerana memelihara adab kerana kedudukan Allah adalah atas daripada sekelian makhluk sambil menantikan limpahan Faidhz dari Mabda Faidhz iaitu Hadhrat Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

3. Nigah Dasyat iaitu menghentikan segala khayalan hati dan was-was. Setiap kali ada sesuatu selain dari kehadiran Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala hadir ke dalam hati, maka hendaklah bersegera dan bersungguh-sungguh menjauhkannya.

4. Baz Gasht iaitu kembali mengucapkan kalimah: "Ilahi Anta Maqsudi Wa Ridhaka Mathlubi, A'thini Mahabbataka Wa Ma'rifataka."

5. Hendaklah sentiasa ingat akan jumlah bilangan yang ganjil dan ianya dinamakan sebagai Wuquf 'Adadi.

6. Hendaklah mengucapkan kalimah Nafi Itsbat menurut Kaifiyyat dalam jumlah bilangan yang ganjil sehingga mencapai bilangan sebayak 21 kali dalam senafas.

LAPORAN AHWAL ZIKIR NAFI ITSBAT

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin. Faqir yang terlalu lemah dan tiada apa-apa ini ingin bertanya. Faqir berzikir Nafi Itsbat beberapa kali sambil menahan nafas. Kemudian sambil duduk, berjalan dan berbaring Zikir Nafi Itsbat menjadi cepat dan bertukar di antara Nafi Itsbat dan Ismu Zat. Itu sahaja permohonan faqir.
(Fazli Bin Hamzah) Jun 3

Mursyid: Wa'alaikumussalam, Zikir Nafi Itsbat hendaklah dilakukan dengan memelihara segala adab, syarat dan Kaifiyatnya sebanyak dua ribu kali sehari semalam. Selebihnya boleh dilakukan sambil berdiri, duduk, berbaring atau berjalan.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalludin. Faqir yang lemah dan tiada bermodal apa-apa ini ingin melaporkan Ahwal Daerah Imkan. Namun faqir bimbang dan berhati hati sekiranya laporan ini terlalu berlebihan dan terkeluar dari adab Salik dan Syaikh dan hanya layak dicerca. Apakah perkara yang lebih buruk dari tidak beradab kepada seorang Syaikh. Dengan Tawajjuh Syaikh serta limpahan Faidhz Hadhrat Ilahi, Zikir Nafi Itsbat dalam Daerah Imkan memulangkan kembali Lathaif ke asalnya di Arash Al-Majid dalam Alam Kabir. Terbentuk pada Alam Saghir Lathaif bertawajjuh ke arah atas di Alam Kabir dan Jazbah tarikan berlaku. Nur Lathaif di Arash Majid terang bersinar menyinari Alam Saghir. Terhasil bagi faqir ibarat dua alam. Dari paras dada Alam Ajsam faqir terus terpancar Lathaif ke atas seluas-luasnya. Demikian sahaja laporan yang tiada apa-apa ini dari Faqir.
(Fazli Bin Hamzah) Jun 5

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh. Semoga faqir tidak mengganggu Syaikh. Faqir ingin melaporkan Ahwal Zikir Nafi Itsbat. Di dalam beberapa hari ini dengan Tawajjuh Syaikh kemajuan diperolehi pada bilangan zikir 3, 5, 7, 11. Pada ketika sebelas kali senafas terasa lapang di Lathifah Akhfa. Nafas seperti bermula dari Akhfa ke atas. Bilangan zikir bertambah ke dua puluh satu kali. Kemudian seperti ada bulatan dari Lathifah Akhfa ke Lathifah Nafs dan berzikir Nafi Itsbat begitu cepat. Akhirnya ada lagi satu bulatan dari Lathifah Nafs ke luar kepala.
(Fazli Bin Hamzah) Jun 12

Murid: Assalamua'alaikum Syaikh Jalalluddin. Faqir yang umpama debu tanah di bawah tapak kaki Syaikh ini mengalami Ahwal yang berat ditanggung iaitu satu bulatan di seluruh kepala faqir terasa terlalu penuh dan padat macam nak meletup. Zikir Nafi Itsbat tak boleh diteruskan seperti sudah di hujung kulit kepala. Faqir jadi gementar kerana berat tanggungan ini. Mohon maafkan faqir sekiranya laporan ini melanggar adab.
(Fazli Bin Hamzah) Jun 13

Mursyid: Wa'alaikumussalam, teruskan Zikir bersungguh-sungguh hingga mati keakuan Nafs.

MURAQABAH

Muraqabah pada pengertian bahasa bermakna berjaga-jaga namun pada pengertian istilah Thariqat Tasawwuf ia bermaksud kegiatan kerja menantikan limpahan kurniaan Faidhz dari sisi Mabda Faidhz iaitu punca limpahan Faidhz Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan menengok serta mengecam limpahan kurniaan Faidhz tersebut jatuh pada Mawrid Faidhz iaitu tempat kedudukan jatuhnya Faidhz pada kedudukan Lathifah pada dirinya atau seorang Salik itu memberikan Tawajjuh pada hatinya secara berterusan serta dan mensucikan khalayannya dari selain Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta mengawasi limpahan Faidhz Ilahi pada hatinya. Dalil amalan Muraqabah adalah berdasarkan Nash Al-Quran,

وفي أنفسكم أفلا تبصرون

Wa Fi Anfusikum, Afalaa Tubshirun
Dan di dalam diri kamu, apa tidakkah kamu memerhatikannya?

Di dalam ayat Ilahi ini menyatakan bahawa di dalam diri insan itu terdapat Lathifah-Lathifah dengan cahaya Nur yang berbeza yang hanya dapat dikenalpasti menerusi Muraqabah. Apabila kandungan ayat tersebut difikirkan dengan lebih mendalam dapatlah difahami bahawa Dia memerintahkan kita supaya sentiasa berkeadaan berjaga-jaga dan Syuhud.

SYARAT-SYARAT MURAQABAH

Pengulangan dalam memantau perantauan Ruhani. Setelah merantau jauh menerusi lingkaran-lingkaran pendakian Ruhani, Salik perlu kembali lagi untuk mengulangi penerokaan ke dimensi alam yang lebih tinggi lagi. Bermula dari bawah iaitu lingkaran Daerah Imkan Bayangan bagi Bayang Asma dan Shifat Allah Ta'ala, lingkaran Daerah Walayat Sughra Bayang Asma dan Shifat Allah Ta'ala, lingkaran Daerah Walayat Kubra Asma dan Shifat Allah Ta'ala sehingga ke Hadhrat Zat Allah Ta'ala. Kurniaan limpahan Faidhz dari Hadhrat Ilahi adalah bergantung dengan perantauan jauh Ruhani. Semakin jauh perantauan Ruhani semakin bertambah penghasilan Cinta dan Ma'rifat akan Hadhrat Zat Allah Ta'ala. Mengembalikan setiap Lathifah kepada asal-usulnya kerana setelah Ruh diciptakan Allah Ta'ala dan dihantar ke Alam Dunia dan bergabung dengan tubuh badan, Ruh menjadi lupa tentang pengetahuannya tentang Allah Ta'ala.

MURAQABAH AHADIYYAT

JUMLAH ZIKIR NAFI ITSBAT
33 kali senafas, 2000 kali sehari semalam.

LAFAZ NIAT MURAQABAH
"Limpahan Faidhz dari Hadhrat Zat Ahad Wajibul-Wujud yang bershifat dengan segala Shifat Kesempurnaan dan Maha Suci dari segala Shifat kekurangan dan kebinasaan. Limpahan Faidhz ini terlimpah pada Lathifah Qalbku, hubungkanlah menerusi Kehormatan Para Masyaikh Kibar Silsilah 'Aliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah."

AHWAL
Tidak boleh memejamkan mata untuk tidur kerana Qalb tetap bertawajjuh kepada Zat Ahad dan bermuraqabah secara Dawam Agahi. Kecenderungan kepada Sima'.

MUSYAHADAH
Tidak ada sebarang khatir yang terlintas di Qalb sepanjang pemerhatian Muraqabah dan membingungkan aqal. Terzahir satu titik bulatan pada Lathifah Nafs. Tawajjuh Qalb pada Zat Ahadiyyat tertumpu pada titik Lathifah Nafs tersebut. Tidak bergerak tumpuan walau ke mana sahaja dihadap di situlah Allah Ta'ala. Berkata dalam batin hati Akulah Allah. Bulatan putih bercahaya di atas kepala seumpama bulan yang bercahaya terang meliputi seluruh tubuh. Rabithah Syaikh dan Masyaikh Kibar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah umpama cermin yang tembus keseluruh jasad sehingga sampai ke Hadhrat Mubarrak Rasullulah Shallallahu 'Alaihi Wa Alihi Wabaraka Wasallam. Alam Imkan Wilayah Sughra dan Kubra bersatu dan bertawajjuh kepada Qalb dan Qalb bertawajjuh kepada Zat Ahadiyyat.

MA'RIFAT AHADIYYAT
Zat Ahad Wajibul-Wujud iaitu Zat Yang Esa Wajib Ada pada dalil 'Aqli, Naqli dan Waqi'. Ianya Zat yang Bersifat dengan Segala Sifat Kesempurnaan yang di luar jangkauan aqal pemikiran insan. Yakni segala apa yang terhasil terlintas di fikiran berkenaan Zat Allah Ta'ala, maka ianya adalah makhluk yang diciptakan oleh Zat Allah Ta'ala dan bukan Zat Allah Ta'ala kerana adalah Allah Ta'ala itu Maha Suci daripada segala khayal dan waham makhluk ciptaanNya. Salah satu daripada Shifat kesempurnaanNya adalah Dia tidak mengantuk dan lagi tidak tidur. Titik yang terpandang oleh Nafs adalah ibarat bagi Mabda Faidhz. Hadhrat Zat adalah Mabda Faidhz atau sumber yang daripadaNyalah sekelian Para Anbiya dan Para Awliya mendapatkan limpahan Faidhz. Hadhrat Zat adalah Esa, Tunggal dan tiada bersekutu pada sebarang Kaifiyyat Zat, Sifat mahupun Af'al. Allah adalah jauh daripada sebarang Kaifiyyat Makhluqat. 'Aqidah Ahli Haqq adalah Tanzih dan menolah Tasybih. Allah adalah jauh daripada apa yang kita sangkakan. Anggapan bahawa AKU adalah Allah kerana kemabukan yang berterusan. Bulatan putih yang terhasil adalah adalah ibarat bagi Daerah Walayat Sughra. Allah adalah Zat Ahadiyyat yang melimpahkan segala limpahan dari Alam Kabir ke Alam Saghir dan tempat terjatuhnya limpahan adalah pada Qalb kerana pada Qalb terdapat Haqiqat Jam'iyyat iaitu taklukan dengan seluruh jasad.

MURAQABAH TAJALLIYYAT LATHIFAH QALB

JUMLAH ZIKIR NAFI ITSBAT

33 kali ke 41 kali senafas, 4000 kali sehari semalam.

LAFAZ NIAT MURAQABAH

"Ya Allah! Limpahan Faidhz Tajalliyyat Shifat Af'aliyyah daripada Lathifah Qalb Mubarak Hadhrat Rasullulah Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Washahbihi Wabaraka Wasallam sebagaimana yang telah sampai pada Lathifah Qalb Hadhrat Nabi Adam 'Alaihissalam, sampaikanlah limpahan FaidhzNya ke Lathifah Qalbku menerusi kehormatan Para Masyaikh Kibar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah."

AHWAL

Paluan yang keras Zikir Nafi Itsbat serta menahan nafas ke Lathifah Qalb menyebabkan tubuh menjadi lemah.

MUSYAHADAH

Kegiatan Zikir Nafi Itsbat, Rabithah dan Muraqabah Tajalliyyat Shifat Af'aliyyah yang berterusan dengan penafian pada Zikir Nafi Itsbat terhadap kewujudan Aku dan segala sesuatu telah menghasilkan Syuhud kewujudan segala Kainat yang Mumkinul-Wujud ini terdapat Al-Wujud iaitu Allah Ta'ala besertanya dengan Tanpa Kaifiyyat, seperti makhluk dan Khaliq ada hubungan yang berterusan dan tidak terpisah atau dinafikan. Kemudian, terzahir Alam Saghir dan Alam Kabir seperti terhimpun menjadi satu dan tiada dapat difaraqkan atau dibezakan di antara Diri dan Alam serta Alam kesemuanya bertawajjuh kepada Qalb dan Qalb bertawajjuh kepada Zat Allah Ta'ala. Setelah itu, kekuatan Rabithah di Alam Mitsal melalui Syaikh ke Masyaikh Kibar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah sehingga kehadiran Rauhaniyyah Hadhrat Mubarak Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Washahbihi Wabaraka Wasallam terzahir Alam mengecut lalu masuk ke dalam Qalb serta menghilang dan timbul satu titik halus berwarna hitam yang darinya diketahui bahawa dari situlah asal Alam. Kedudukan titik itu tetap hadir tetapi tidak diketahui tempatnya. Seterusnya Tawajjuh kepada Hadhrat Zat Allah terus tertumpu di titik tersebut dan sangkaan kuat itulah Zat Allah Ta'ala. Ketika Dawam Hudhur diarahkan Tawajjuh ke titik tersebut terhasil Musyahadah akan Allah Ta'ala sebagai Fa'il Haqiqi atas setiap perbuatan makhlukNya. Musyahadah akan Nur Cahaya yang kuning keputihan 'Uruj ke atas yang tiada diketahui tempatnya iaitu ***Laa Makaniyyat*** dan bersinar dengan terang-benderang. Kashaf Qulub iaitu boleh membaca hati seseorang.

MA'RIFAT TAJALLIYYAT

Setiap zarrah Kainat dari Alam Kabir ke Alam Saghir menerima limpahan secara berterusan dari Zat Allah Ta'ala dan tempat jatuhnya limpahan adalah pada Qalb kerana Qalb adalah Haqiqat Jami'ah iaitu taklukan dengan seluruh jasad. Apabila limpahan dihudhurkan secara Dawam menerusi kegiatan Zikir Nafi Itsbat, Rabithah Para Masyaikh Kibar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah serta menghadirkan Rauhaniyyah Hadhrat Mubarak Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Washahbihi

Wabaraka Wasallam pada Lathifah Qalb, maka akan terhasil Tajalliyyat Ma'rifat berkenaan Af'al Allah pada Qalb sehingga mengalami Fana Fi'li iaitu Salik tenggelam dalam memerhatikan segala perbuatan makhluk dan yang terzahir hanya perbuatan dan kesan-kesan perbuatan Allah Ta'ala dan sehingga Af'al Salik itu sendiri akan terlihat juga sebagai Af'al Allah Ta'ala pada Haqiqatnya. Nur cahaya kekuningan adalah takluk kepada warna Lathifah Qalb yang Asalnya di atas 'Arasy.

MURAQABAH TAJALLIYYAT LATHIFAH RUH

JUMLAH ZIKIR NAFI ITSBAT

33 kali ke 41 kali senafas, 4000 kali sehari semalam.

LAFAZ NIAT MURAQABAH

Ya Allah! Limpahan Faidhz Tajalliyyat Shifat Tsubutiyyah daripada Lathifah Ruh Hadhrat Mubarak Rasullulah Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Washahbihi Wabaraka Wasallam sebagaimana yang telah sampai pada Lathifah Ruh Hadhrat Nabi Nuh 'Alaihissalam dan Hadhrat Nabi Ibrahim 'Alaihissalam, sampaikanlah limpahan Faidhznya kepada Lathifah Ruhku menerusi kehormatan Para Masyaikh Kibar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah.

AHWAL

Seluruh jasad seperti mati dan Zikir di Lathifah Ruh semakin kuat.

MUSYAHADAH

Kashaf Kubur iaitu Musyahadah akan Alam Kubur iaitu boleh melihat Ruh. Berzikir, Rabithah dan Muraqabah menghasilkan Syuhud Alam Saghir dan Alam Kabir semakin jelas ternafi kewujudannya mengatasi kewujudan makhluk ketika Musyahadah pada Lathifah Qalb. Ketika semakin nyata 'Adamnya makhluk ini, dalam pemerhatian bahawa makhluk ini kelihatan seolah-olah hanya rupa sahaja tetapi tiada 'Ainnya. Oleh itu terhasil tiada sekali-kali makhluk ini bershifat dengan Qudrat, Iradat, 'Ilmu, Hayat, Sama, Bashar dan Kalam. Hanyasanya segala Shifat Tsubutiyyah, Shifat Ma'ani, Shifat Wujudiyyah adalah Mawjud bagi Zat Allah Ta'ala jua tiada bagi makhluk sekali-kali. Musyahadah akan Nur cahaya merah yang halus 'Uruj ke atas yang tiada diketahui tempatnya (La Makaniyat) dan bersinar dengan terang-benderang.

MA'RIFAT TAJALLIYYAT

Lathifah Ruh adalah bertakluk kepada Alam Jabarut iaitu Alam Arwah. Allah Ta'ala adalah Zat Wajibul-Wujud yang wajib bershifat dengan segala Shifat kesempurnaan. Di antara segala Shifat-shifat kesempurnaan Allah yang wajib bagi Allah Ta'ala adalah adalah Shifat Tsubutiyyah Ma'ani. Segala Shifat Tsubutiyyah Ma'ani ini adalah Shifat yang Mawjud bagi Zat Allah Ta'ala iaitu Qudrat, Iradat, 'Ilmu, Hayat, Sama', Bashar, Kalam dan Takwin. Setelah terzahirnya setiap perbuatan Allah Ta'ala meliputi seluruh zarrah Kainat pada Maqam Tajalliyyat Af'aliyah, dengan kegiatan Zikir Nafi Itsbat, Rabitah dan Muraqabah Tajalliyyat Shifat Tsubutiyyah yang berterusan dengan menafikan pada Zikir Nafi Itsbat terhadap kewujudan makhluk berterusan dan

mengitsbatkan Shifat Tsubutiyyah pada Allah Ta'ala maka terzahir pada pemerhatian bahawa perbuatan Allah Ta'ala pada sekelian zarrah Kainat beserta dengan Shifat-shifat Qudrat, Iradat dan 'Ilmu. Ketiga-tiga Shifat ini beserta dengan setiap zarrah Kainat dan kebersertaannya kerana setiap zarrah Kainat ini adalah Zhilal Bayangan Shifat-shifat Qudrat, Iradat dan 'Ilmu Allah Ta'ala jua dan menyabitkan shifat-shifat tersebut pada segala zarrah Kainat seperti AKU KUASA, AKU TAHU adalah Majaz jua dan tiada pada haqiqatnya. Juga terhasil dalam pemerhatian bahawa segala zarrah Kainat ini sekiranya tanpa Limpahan Faidhz Shifat Tsubutiyyah dari Allah Ta'ala maka makhluk ini seperti 'Adam. Bagi memperolehi Ma'rifat atas jalan Fana Fi Shifati Tsubutiyyah ini hendaklah memastikan I'tiqad Tauhid kita selaras di atas 'Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah iaitu samada 'Asyairah atau Maturidiyyah dan menjauhi 'Aqidah yang kufur, sesat lagi fasik seperti fahaman dari Firqah Qadariyyah, Mu'tazilah, Jabariyyah ataupun Wahabiyyah. Nur cahaya merah adalah takluk kepada warna Lathifah Ruh yang Asalnya di atas 'Arasy.

MURAQABAH TAJALLIYYAT LATHIFAH SIRR

JUMLAH ZIKIR NAFI ITSBAT

33 x ke 41 x Senafas 4,000 x Sehari Semalam

LAFAZ NIAT MURAQABAH

Ya Allah! Limpahan Faidz Tajalliyat Sifat Syuyunat Zatiyah daripada Lathifah Sir Hadhrat Mubarrak Rasullulah Shallallahu Alaihi Wa Alihi Washahbihi Wabarak Wa Sallam Sebagaimana Yang Telah sampai pada Lathifah Sir Hadhrat Nabi Musa Alaihisalam, Sampaikanlah Limpahan Faiznya Kepada Lathifah Sirku Menerusi Kehormatan Para Masyaikh Kibar Silsilah Aliyah Naqsyabandiah Mujaddidiyah .

AHWAL

Terasa jelas Zikir bergerak dengan kuat di Lathifah Sirr. Kegembiraan, kesedihan dan kasih sayang melihat makhluk Allah. Kecenderungan kepada Siyar Anfusi.

MUSYAHADAH

Berzikir, Rabithah dan Muraqabah menghasilkan Syuhud di Alam Kabir bahawa terlalu nyata kewujudan Zat Allah Pemilik Haqiqi segala Shifat Tsubutiyyah. Ternafi kewujudan makhluk dan jelas dan nyatanya Allah Zat Yang Qadir, Allah Zat Yang Murid, dan Allah Zat Yang Alim. Kemana sahaja diarah pandangan terzahir Allah Zat Yang Qadir, Allah Zat Yang Murid, dan Allah Zat Yang 'Alim. Tiada sebutir dari zarrah Kainat pun yang terlepas daripada Iftiqar berkehendak kepada Zat Allah Ta'ala sehingga tidak mampu untuk menanggung Musyahadah tersebut walaupun ketika cuba memejamkan mata. Zauq yang bersangatan dan tenggelam dalam Isim Allah Ar-Rahman dan Ar-Rahim. Musyahadah akan Nur cahaya kuning keputihan yang halus 'Uruj ke atas yang tiada diketahui tempatnya Laa Makaniyyat dan bersinar dengan terang-benderang. Berabithah Syaikh dan Masyaikh sehingga sampai ke Hadhrat Khwajah Maulana Shah Ghulam Ali Dehlawi Rahmatullah Alaih dan Hadhrat mengatakan, ***"Mohabbat Karo",*** untuk meneruskan penghasilan Ma'rifat. Seterusnya berabithah dengan kasih sayang

sehingga melihat Hadhrat Khalifah Rasulullah Sayyidina Abu Bakar Ash-Shiddiq Radhiyallahu 'Anhu.

Ma'rifat Tajalliyyat

Shifat Qudrat, Iradat dan 'Ilmu Allah Ta'ala adalah meliputi setiap zarrah dari zarrah Kainat. Segala Qudrat, Iradat dan Ilmu yang terzahir pada Kainat adalah bayangan Zhilal Qudrat Al-Qadir, Iradat Al-Murid dan 'Ilmu Al-'Alim. Ketika kegiatan Zikir Nafi Itsbat, Rabithah dan Muraqabah Tajalliyyat Shifat Syuyunat Zatiyyah yang berterusan dengan menafikan pada Zikir Nafi Itsbat yang terhadap kewujudan makhluk yang bershifat Qudrat, Iradat dan 'Ilmu dan mengitsbatkan hanya Allah Ta'ala Zat Yang Mawjud dengan Shifat-shifat tersebut akan menghasilkan Ma'rifat bahawa Allah Ta'ala Zat Al-Qadir, Al-Murid dan Al-'Alim dan kita akan asyik seolah-olah memandang Zat Allah meliputi setiap zarrah Kainat.

Muraqabah Tajalliyyat Lathifah Khafi

Jumlah Zikir Nafi Itsbat

33 x ke 41 x Senafas 4,000 x Sehari Semalam

Lafaz Niat Muraqabah

"Ya Allah! Limpahan Faidhz Tajalliyat Sifat Salbiyah daripada Lathifah Khafi Hadhrat Mubarrak Rasullulah Shallallahu Alaihi Wa Alihi Washahbihi Wabarak Wa Sallam Sebagaimana Yang Telah sampai pada Lathifah Khafi Hadhrat Nabi Isa Alaihisalam, Sampaikanlah Limpahan Faidhznya Kepada Lathifah Khafiku Menerusi Kehormatan Para Masyaikh Kibar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah."

Ahwal

Zikr berjalan di Latifah Khafi tetapi seperti tiada bunyi dan seterusnya melenyapkan pergerakan zikr pada 3 lathifah yang di bawahnya.

Musyahadah

Berzikir, Rabithah dan Muraqabah menghasilkan ketenggelaman dengan Zat Allah Ta'ala dan lenyap makhluk pada pandangan Dzauqi dan menghidupkan KEAKUAN di Lathifah Nafs. Terdengar suara di dalam bathin bahawa AKULAH ALLAH . Semakin hampir Zat Allah Ta'ala dirasakan seperti wujud dalam diri sendiri. Keasyikan yang bersangatan dengan Zat Allah Ta'ala menyebabkan lupa akan makhluk. Musyahadah akan Nur cahaya hitam diliputi merah dan putih di luarnya yang halus 'Uruj ke atas yang tiada diketahui tempatnya (La Makaniyyat) dan bersinar dengan terang benderang.

Ma'rifat Tajalliyyat

Setelah penghasilan Ma'rifat Tajalliyyat Syuyunat Zatiyyah bahawa seolah-olah memandang akan Zat Allah Ta'ala meliputi setiap zarrah Kainat, seterusnya dengan melaksanakan kegiatan Zikir Nafi Itsbat, Rabithah dan Muraqabah Tajalliyyat Shifat Salbiyyah yang berterusan dengan menafikan pada Zikir Nafi dan Itsbat akan kewujudan AKU dan sesuatu serta mengitsbatkan hanya Allah Ta'ala Yang Wujud akan terhasil

kemabukan yang berterusan. Dengan bermuraqabah akan Tajalliyyat Shifat Salbiyyah, maka terzahir penolakan terhadap keakuan di dalam diri yang mengaku sebagai Allah Ta'ala dan kehadiran Allah Ta'ala dalam setiap setiap zarrah Kainat dengan mensucikan Zat Allah daripada segala sifat-sifat yang tidak layak baginya dengan mensucikan Allah dari sifat-sifat makhluk seperti Jirim, Jisim, 'Aradh, Jauhar daripada menyerupai segala sifat-sifat Makhluqat dan menyabitkan bagi Allah Ta'ala dengan segala sifat-sifat yang layak baginya sebagai Khaliq seperti Qidam, Baqa, Mukhalafatuhu Lilhawadits, Qiyamuhu Ta'ala Binafsihi dan Wahdaniyyah. Di sinilah hendaknya menghasilkan Tanzih dan mensucikan sebarang Tasybih bagi Zat Allah Ta'ala.

MURAQABAH TAJALLIYYAT LATHIFAH AKHFA

JUMLAH ZIKIR NAFI ITSBAT
33 kali ke 41 kali senafas 4000 kali sehari semalam.

LAFAZ NIAT MURAQABAH
Ya Allah! Limpahan Faidhz Tajalliyyat Shifat Syan Jami' daripada Lathifah Akhfa Hadhrat Mubarrak Rasullulah Shallallahu Alaihi Wa Alihi Washahbihi Wabarak Wa Sallam dan Sampaikanlah Limpahan Faiznya Kepada Lathifah Akhfaku Menerusi Kehormatan Para Masyaikh Kibar Silsilah Aliyah Naqsyabandiah Mujaddidiyah.

AHWAL
Zikr berjalan di Latifah Akhfa tetapi seperti tiada bunyi langsung dan seterusnya melenyapkan pergerakan zikr pada 4 Lathifah yang di bawahnya. Keluasan dada.

MUSYAHADAH
Berzikir, Rabitah dan Muraqabah di sini seolah-olah menzahirkan kembali makhluk tanpa dilalaikan olehnya dan seolah-olah menghilangkan kewujudan KEAKUAN serta menghadirkan Allah Ta ala secara dawam hudhur serta sentiasa mengawasi limpahan Faidz darinya. Terzahir Nur Bulat bewarna Putih Besar seperti Bulan dan terang benderang di atas kepala dan melimpahkan limpahan Faidz dari Hadhrat Zat Allah Ta ala yang terlimpah melalui Hadhrat Mubarrak Rasullulah Shallallahu 'Alaihi Wa Alihi Wabarak Wa Sallam seterusnya menerusi Para Masyaikh Kibar Silsilah Aliyah Naqsyabandiah Mujaddidiyah dan Syeikh ke diri sendiri. Musyahadah akan Nur Cahaya Hijau diliputi Putih Dan Hitam yang halus uruj ke atas yang tiada diketahui tempatnya (La Makaniyat) dan bersinar dengan terang benderang. Musyahadah akan Syeikh Jalaluddin Ar Rowi memakai jubah dan serban bewarna hijau, putih dan hitam yang akan memimpin solat serta meminta faqir Iqamah. Musyahadah akan suatu titik Nur yang halus serta para Masyaikh bersusun-susun terbit keluar darinya dan terdapat satu lagi titik halus lebih jauh di atasnya.

MA'RIFAT TAJALLIYYAT
Setelah penghasilan ma rifat Tajaliyat Sifat Salbiyah seolah-olah Allah ada dalam diri dan seterusnya melaksanakan kegiatan Zikr Nafi Itsbat, Rabitah dan Muraqabah Tajaliyyat Sifat Syan Jami pada Lathifah Akhfa akan menghimpunkan segala sifat-sifat

Tajaliyyat Allah Ta ala yang keempat-empat tersebut tadi ke asalnya iaitu asal sumber ciptaan atau dinamakan oleh Para Masyaikh dengan Hakikat Muhammad Shallallahu Alaihi Wa Alihi Wabarak Wa Sallam iaitulah Ta ayun Awal (Ta ayun Ilmi Ijmali/Wahdah) iaitu Barzakh untuk menuju Ila Allah. Nur Bulat berwarna putih yang terpandang adalah di luar Daerah Imkan iaitu Daerah Bayangan Zhilal Asma Wa Shifat yang diibaratkan oleh Para Masyaikh dengan Daerah Walayat Sughra iaitu Walayat Penghampiran dan Kewalian Para Masyaikh Akabirin kerana telah 'Urujnya Lathifah dari Daerah Imkan. An-Nur adalah salah satu Asma bagi Zat Allah dan Allah adalah Zat Yang Menerangi (Al-Munawwiru) Tujuh Petala Langit dan Bumi, dan Nur Allah tersebut meliputi Hadhrat Muhammad Shallallahu Alaihi Wa Alihi Wabarak Wasallam dan terpancar ke sekelian Para Anbiya, Awliya dan seterusnya ke diri kita. Penyaksian terhadap Syaikh memimpin solat dan Salik sebagai makmum adalah ibarat dalam Thariqat Mujaddidiyah ini Salik perlu menempuh suluk dengan sokongan dan imdad Syaikh dan Masyaikhnya. Warna hijau, hitam dan putih pada pakaian Syaikh adalah ibarat Warna Nur Lathaif Sir, Khafi dan Akhfa. Titik halus yang terhasil adalah ibarat dari Mabda Ta ayun/ Ta ayun Tsani/ Ta ayun Ilmi Tafsili/Bayangan Asma Wa Sifat Allah Para Masyaikh Akabirin iaitu asal segala Arwah Muqaddasah Para Masyaikh dan juga segala Mumkinat selain dari Para Malaikat dan Anbiya. Terlihat satu lagi titik halus sebelumnya adalah menggambarkan bahawa Asal bagi asalnya adalah dari Hakikat Muhammad Shallallahu Alaihi Wa Alihi Wabarak Wa Sallam iaitulah Ta ayun Awal (Ta ayun Hubbi/ Ta ayun Ilmi Ijmali/ Wahdah/ Asma Wa Sifat Allah). Maka pada maqam ini dan seterusnya tidak berhasil akan Fana Fi Allah tanpa seseorang Salik itu melalui Fana Fi Rasul serta ittiba akan sunnah Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wa Alihi Wabarak Wasallam akan memberikan faedah yang banyak.

LAPORAN AHWAL MURAQABAH

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin yang dirahmati Allah. Seorang Salik itu tiada berupaya melangkah melainkan dengan Syaikhnya. Tiada yang dinafi akan wujud dirinya hanya Syaikhnya. Dan tiada yang dimaksud Syaikhnya ILLA ALLAH yakni Zat Allah Yang Maha Suci dari segala sifat kekurangan. Dilihat dalam dirinya umpama cermin Ruh Syaikhnya. Dilihat di luar dirinya segalanya Allah. Tiada dirinya hanya Syaikhnya. **"Selamat datang ke Thariqat ini,"** kata Syaikhnya. Menangis dia mendengarkannya. Seandainya sebanyak tujuh lautan airmata yang ditangisi tiada sebanding dengan pengorbanan Syaikhnya membawa Ruhani Salik mengenal Allah.
(Fazli Bin Hamzah) Jun 16 - 8:18 am

Mursyid: Wa'alaikumussalam, semoga Allah merahmati. Dalam Thariqat Mujaddidiyyah ini, murid perlu menempuh Suluk dengan sokongan dan Imdad Ruhaniah Syaikh dan Para Masyaikhnya. Muraqabah, Muhasabah dan Musyahadah adalah jalan penghasilan Ma'rifatullah. Dengan Fana pada Rabithah Syaikh, pencapaian Wushul Ilallah adalah pasti. Anggapkan bahawa setiap zarrah jisim diri sebagai zarrah jisim diri Syaikh dan anggapkan bahawa setiap langkahan menuju Allah adalah langkahan Syaikh dan maksud yang dituntut adalah apa yang Syaikh tuntut. Murid yang Salik cuma perlu menghasilkan Fana Fi Syaikh bagi merasai nikmat Fana Fillah. Setiap murid yang Fana Fi Syaikh diibaratkan menaiki kenderaan pesawat Syaikh tanpa perlu menjadi pemandu.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin semoga dirahmati Allah. Bulatan zahir di atas kepala murid seumpama bulan yang bercahaya. Rabithah Para Masyaikh Akabirin Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah umpama cermin yang terus tembus ke murid hingga tiba ke Hadhrat Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam suatu cahaya yang terang benderang. Terpaku murid menatapnya. Seluruh cahaya itu meliputi murid.
(Fazli Bin Hamzah) 17 Jun 2014

Mursyid: Wa'alaikumussalam, maksud dari Zikir Nafi Itsbat adalah menafikan segala yang wujud di Alam Khalaq dan Alam Amar serta kewujudan diri bagi menghasilkan pemahaman wujud Haqq yang Haqiqi. Bulatan yang zahir adalah di luar Daerah Imkan iaitu Daerah Bayangan Zhilal Asma dan Shifat yang diibaratkan sebagai Daerah Walayat Sughra iaitu Daerah Walayat penghampiran dan kewalian Para Masyaikh Akabirin. Daerah Imkan adalah Bayang Zhill bagi Bayangan Zhilal Asma dan Shifat, manakala Zhilal Asma Dan Shifat adalah bayangan bagi Asma dan Shifat Ilahiyyah. Nur adalah Shifat Zat, dan Nur tersebut meliputi Hadhrat Muhammad dan Haqiqat Baginda lalu daripadanya ia terpancar kepada sekalian pengikut Baginda. Faidhzan Nur yang terlimpah adalah limpahan Faidhz yang berasal dari sumber Haqiqat Muhammadiyyah menerusi keberkatan Hadharat Masyaikh Akabirin Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin. Dalam diri pun Allah; Luar kepala pun Allah; Belakang tubuh pun Allah; Depan tubuh pun Allah; Luar seluruh tubuh pun Allah; Nafs pun Allah. Di mana faqir Syaikh? Kemudian bagi faqir yang tiada apa-apa ini terlihat satu bulatan Nur Hitam terang berkilau pada Lathifah Nafs. Terima kasih Syaikh.
(Fazli Bin Hamzah) 24 Jun 2014

Mursyid: Wa'alaikumussalam, Allah beserta dengan setiap hambaNya walau di mana mereka berada. Ibarat bagi Ahwal ini adalah seperti bintang yang tidak kelihatan di waktu siang kerana diselubungi cahaya mentari. Bintang-bintang keakuan tetap ada tetapi lenyap dari pandangan kerana cahaya Nur Ilahi sedang meliputi langit Falak Anfusi. Ataupun ibarat air hujan setitis yang tenggelam dalam lautan. Hilang kesedaran air setitis dan kesedaran yang datang di sekelilingnya adalah air laut.

DAERAH ZHILAL ASMA WA SHIFAT WALAYAT SHUGHRA

Setelah persiaran Sayr dalam Daerah Pertama iaitu Daerah Imkan telah sempurna dan sekurang-kurangnya Fana Qalb terhasil, kemudian Salik akan menempuh Daerah Ma'iyyat yang merupakan suatu daerah terzahirnya rasa kebesertaan dengan Allah Subhanahu Wa Ta'ala iaitu Daerah Keintiman Kecil dengan Allah Subhanahu Wa Ta'ala iaitu Walayat Shughra. Ini adalah Maqam Jazbah Mahabbat Ilahi yang merupakan Maqam penghasilan Jazbah Cinta kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Walayat Shughra adalah persiaran Sayr Ilallah Subhanahu Wa Ta'ala iaitu Daerah Kedua yang akan ditempuh oleh seseorang Salik dalam perjalanan Ruhaninya selepas menempuh Daerah Imkan menuju ke Hadhrat Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan sebelum menempuh Walayat Kubra iaitu Walayat Para Anbiya Kiram atau dikenali sebagai Walayat Keintiman Besar dengan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Walayat Shughra ini juga dinamakan Walayat

Para Awliya 'Izham yang merupakan Daerah Bayangan Zhillal Asma Wa Shifat Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Salik perlu menempuh Daerah Kewalian terlebih dahulu sebelum menempuh Daerah Kenabian.

MURAQABAH MA'IYYAT WALAYAT SHUGHRA

JUMLAH ZIKIR NAFI ITSBAT
71 x ke 101 x Senafas 4,000 x ke 6,000 x Sehari Semalam

LAFAZ NIAT MURAQABAH
"Limpahan Faidhz datang kepadaku daripada Hadhrat Zat Subhanahu Wa Ta'ala yang beserta denganku dan beserta dengan segala zarrah dari zarrah-zarrah Kainat bersama Syan TindakanNya, bahawa hanya Dialah Zat Subhanahu Wa Ta'ala yang dikehendaki. Mansya sumber limpahan Faidhz adalah dari Walayat Shughra iaitu Walayat Para Awliya 'Izham dan merupakan Daerah Zhillal Bayangan Asma dan Shifat Muqaddasah. Mawrid tempat terjatuh limpahan Faidhz adalah pada Lathifah Qalbku dengan Kehormatan Para Masyaikh Kibar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah. Perhubungkanlah!"

AHWAL
Nyawa sampai ke halqum dan merasai mati. Qalb semakin meluas meliputi seluruh tubuh dan alam dan zikr nafi itsbat dipermudahkan Allah untuk mencapai 101 atau lebih. Nafs di antara dua kening terasa fana dan terasa Nuzul. Bergetar/menggigil dengan kuat keseluruh jisim tubuh badan dan kesukaran menanggungnya. Keseluruhan tubuh termasuk Latifah Nafs bergetar dengar Zikir Allah. Wuquf Qalbi keseluruh tubuh dan di luar tubuh. Tidur yang lama seperti pengsan. Leher yang semakin menyempit. Jazbah yang kuat-kuat terhasil. Keseluruhan jisim lenyap dan tenggelam dalam tawajjuh kepada Allah. Limpahan Faidhz seperti angin yang tersangat dingin terlimpah ke seluruh tubuh ketika membaca Syajarah Thayyibbah. Segala Af'al perbuatan terasa amat perlahan atau tiada bermaya. Tiada kekuatan sama sekali seperti tenggelam di dalam Af'al Allah.

MUSYAHADAH
Seolah merasai Syarh Sadr. Dada semakin meluas. Alam Mitsal bagi Daerah Imkan/Shughra terzahir di tubuh. Terzahir separuh bulatan daerah dari Lathifah Qalb dan Lathifah Ruh meliputi ke Lathifah Akhfa. Juga bulatan daerah dari Halqum hingga ke Nafs. Kehadhiran Awliya ketika bermuraqabah. Pembacaan Al Quran di luar solat menambah zauq dan bergetar tubuh. Urusan mu amalah Lathifah telah beralih dari Lathifah Sirr ke Lathifah Khafi dan mula bergetar berzikr. Uruj Lathifah Khafi dan terus menjadi gelap kehitaman di Lathifah Nafs dan ke seluruh muka. Fana Lathifah Qalb terjadi dan lebih sempurna dari sebelumnya iaitu lebih menyeluruh. Fana Fi li nyata pada Salik iaitu segala Af al Salik mahupun segala Maujudat pada hakikatnya Af al Allah Ta ala Ma iyyat. Kebesertaan Af al Allah Ta ala menyeluruh menyertai setiap zarrah-zarrah Kainat. Menghasilkan Taubat di atas hijab selama ini yang tidak melihat Af al Allah menyertai makhluk walau di mana mereka berada. Fana Lathifah Ruh terjadi dan lebih sempurna dari sebelumnya Fana Sifat Tsubutiyah nyata pada Salik iaitu

segala Sifat yang dianggap wujud pada makhluk adalah waham dan khayal sebenarnya, melainkan sifat-sifat tersebut hanya tsabit bagi Allah Ta ala. Terlebih dekat Allah Ta ala kepada Salik kerana menyertainya Allah pada sifat-sifat Tsubutiyah. Segala sifat-sifat yang dizahirkan kepada makhluk, Salik tidak akan mengendahkannya kerana tiada yang pelik pada Salik ketika itu kerana Sifat Tsubutiyah hanya tsabit bagi Allah Ta ala. Salik sentiasa bertawajjuh kepada Zat Ahad. Fana Lathifah Sir terjadi dan lebih sempurna dari sebelumnya dan Fana pada Lathifah Sirr ini dianggap oleh Salik terlalu kuat dan menyeluruh di antara Fana yang telah dilalui dan diri ini karam/tenggelam/kehilangan diri bersangatan bersama Zat Allah dan seolah menyertainya. Na udzubillah min dzalik!

Allah Ta ala terlebih suci daripada apa yang disifatkan. Allahumma Taqabbal Taubati! Pada Fana Sifat Syuyunat Zatiyyah ini Salik seolah-olah merasakan Allah Ta ala ini meliputi seluruh Alam. Fana Lathifah Khafi terjadi dan lebih sempurna dari sebelumnya dan Fana pada Lathifah Khafi ini makhluk hilang pada kesedaran dan ANA timbul. Fana pada Lathifah ini menenangkan kemabukkan pada sebelumnya dan masih merasakan ma iyyat tetapi dalam konteks yang terlebih hampir kepada ANA tetapi Allah itu bersifat Wahdaniyyah. Terbelah tubuh dari hujung kepala dan terbuka. Rabithah Mursyid terlihat di dalam tubuh. Seterusnya berhubung dengan para Masyaikh tetapi arah ke dalam tubuh atau kebelakang tubuh. Zikir sambung menyambung dari Salik hakikatnya zikir Mursyid dan hakikat zikir itu zikir para Masyaikh sehingga ke Hadhrat Mubarrak Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wa Alihi Wabarak Wa Sallam dan pada Hakikatnya zikir Allah Ta ala mendahului kesemuanya. Membaca Sholawat ke atas Nabi dengan sebanyak-banyaknya menghasilkan uruj Lathifah Akhfa ke Nafs dan sehingga ke hujungnya. Ilmu-ilmu mula terlimpah ke dada seperti Al Quran, Hadits, kata-Kata Hikmah untuk peringatan dan tunjuk ajar kepada Salik. Alhamdulillah. Rabithah Mursyid berkekalan di dalam tubuh. Terhasil satu titik hitam yang halus di alam mitsal. Melihat diri sendiri di dalam muraqabah dalam keadaan menuruti sunnah Nabi Muhammad Shallahu Alaihi Wa Sallam di dalam penampilan. Bertawajjuh kepada Hadhrat Khwajah Abul Yazid Al Bistami Rahmatullah Alaihi pada isim Al Qabid dan Al Basit. Allah Yang maha Menyempitkan dan Maha Melapangkan. Menantikan limpahan faidz yang sempurna melalui para Masyaikh Kiram menghasilkan setiap zarah dari diri kita ini tidak pernah terlepas dan sentiasa Ma iyyat dengan sifat perbuatan Al Qabid dan Al Basit.
Allah melapangkan rezeki daku, masa, pernafasan, fikiran, segala organ dalam tubuh, termasuk saraf, darah dan sebagainya. Tanpa besertanya sifat ini pada daku maka sempit dan binasalah kehidupan daku. Melahirkan sifat Taubat, Inabat dan Syukur. Sebaliknya di sisi Allah apa-apa Yang Dilapangkan mungkin membinasakan kita sekiranya tiada sifat Syukur dan sebaliknya apa Yang disempitkan oleh Allah mungkin kebaikkan bagi kita sekiranya kita bersabar. Maka serahkanlah segala urusan kamu kepada Al-'A lim iaitu Zat Yang Maha Mengetahui apa yang nyata dan tersembunyi dan tiada sebutir zarrah pun terlepas daripada ilmu Allah. Akan menjadikan kita orang yang bertawakkal kerana Allah adalah sebaik-baik Wakil bagi kamu. Pada Sayr isim Al-Mulk (Zat yang Maha Menguasai) menyedarkan daku bahawa diriku dan setiap zarrah dari zarrah-zarrah kainat milik Allah kesemuanya. Apa yang wujud di diriku dan alam sekeliannya adalah merupakan milik mutlak Allah. Kegembiraan terhasil pada diri bahawa tiada makhluk pun yang akan menakutkan anda atas sesuatu kerana setiap sesuatu adalah milik Al Malik. Jadi tiada hak atas seseorang mensabitkan sesuatu itu

miliknya. Bertawajjuh kepada Sultanul Auliya Ghaust Al A zam As Syeikh Abdul Qadir Al Jailani Rahmatullah Alaihi pada isim Al Qadir. Bertawajjuh kepada Hadhrat Khwajah Khwajagan Shah Baha uddin An Naqshbandiah yang Membimbing persiaran dalam bayangan Asma Wa Sifat. Fana fi Af al sentiasa dirasai berterusan dari sehari kesehari. Jazbah yang terlalu kuat pada mulanya semakin berkurangan. Alam Imkan Kabir dan Saghir seolah-olah satu.

Setelah Majlis Shuhbat mingguan pada 15 Muharram yang lalu dengan Hadhrat Syaikh Jalaluddin Ar-Rowi, himmah untuk meneruskan Sayr dalam Bayangan Asma dan Shifat masih diikhtiarkan oleh daku yang serba kekurangan ini. Muraqabah Ma'iyyat dengan menghadirkan Isim Ar-Rahman, Ar-Rahim, Al-Wahhab, Al-Hadi, Al-Qabidhz, Al-Basith, Al-Hakim, Al-Muhyi, Al-Mumit dapat diteruskan. Seharian seluruh jasad daku terlalu lemah atau kehilangan yang bersangatan. Seperti seorang pesakit yang sedang menanti ajalnya dan tiada sembuh-sembuh. Ubatnya pun tiada dan ajalnya pun belum tiba. Namun Allah Ta'ala bertindak mengikut sangkaan hambaNya. Tanpa disedari seolah-olah daku sedang berhadap-hadapan menatap Zatnya yang Maha Suci dari sebarang I'tibarat dan sangkaan makhluk. Terlalu istimewa dan agung Zatnya. Keasyikan melanda, keindahannya nyata, tiada sesuatu pun yang dapat menyamainya. Terpaku mengingatinya. Lidah tak terucap, bibir ternganga dan mata terpegun. Seolah-olah dunia menjadi terhapus oleh keindahan Zatnya.

Kemudian, diriku seolah-olah hilang segala daya upaya yang bersangatan. Andainya ketika itu seluruh diriku diletak di atas timbangan atau neraca duniawi, tiada nilai beratnya sebutir garam pun. Kosong dari nilai dan angka. Aku ini tiada apa-apa nilai pun. Berat tubuh badan pun tiada, apa-apa pun tiada. Segala pergerakkan atau tindakan menjadi semakin perlahan atau terlalu lemah seperti tiada keupayaan sedikit pun. Bergerak daku, Allah Yang menjadi pergeraknya, Melihat daku, Allah yang menjadi penglihatannya, Mendengar daku, Allah yang menjadi pendengarannya dan seterusnya. Barulah kesedaran hadhir ketika itu bahawa di sisi Allah tiada nilainya apa-apa daku ini. Sedangkan berat tubuh pun tiada, inikan pula segala amal yang tiada boleh ditimbang dengan sebarang neraca Duniawi. Layaklah daku ini dipanggil Faqir. Sehingga daku merasakan kehadiran daku di Dunia ini menyusahkan orang lain sahaja. Sekiranya aku duduk di satu meja dan orang lain pun tiba ke meja itu, daku akan beralih ke tempat lain sehinggakan ke atas tanah pun daku sanggup. Sesungguhnya diri daku ini lebih hina dari orang lain. Di sini penghasilan taubat, inabat, sabar dan syukur. Terkadang kesedihan melampau. Ketika Shalat tidak layak daku ini mengangkatkan muka menghadap Allah. Ketika Ruku' dan Sujud hanya layak buat diri ini. Segala pergerakan menjadi perlahan dalam pemerhatian daku. Seolah dikawal.

LAPORAN AHWAL MURAQABAH MA'IYYAT

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin, semoga Syaikh dirahmati Allah sentiasa. Dengan rendah hati faqir mohon untuk melaporkan Ahwal pada Daerah Wilayat Sughra dengan kehormatan Para Masyaikh Kibar 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah. Seketika Zikir Nafi Itsbat pada bilangan empat puluh satu kali telah membuka ruang di Lathifah Nafs sehingga terasa 'Uruj ke atas dan ke atas yang tak diketahui tempatnya. Terpandang cahaya bulat terang benderang umpama cahaya mentari tengahari yang tiada tolok bandingnya sedang menyinari Nafs. Sekian sahaja dan terima kasih Syaikh.
(Fazli Bin Hamzah) 26 Jun 2014

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin, semoga Syaikh dirahmati Allah sentiasa. Alhamdulillah Faqir yang La Syaik tiada apa-apa ini telah dikurniakan kesempatan bersuhbat dengan Syaikh. Dengan limpahan Faidhz dan Tawajjuh Syaikh semoga berhasil faqir melalui Sayr Suluk dalam Thariqat Naqsyabandi Mujaddidi ini. Syaikh, ketika melakukan Syughal Rabithah, Nafi Itsbat dan Muraqabah Tajalliyyat Af'aliyyah pada hari Jumaat yang lepas, Ketika tumpuan diberikan sepenuhnya pada maksud Zikir dan cepat-cepat, akhirnya semua kegiatan yang dilakukan terkumpul di Nafs. Muraqabah Tajalliyyat yang lain boleh dilakukan sekali. Kecenderungan kepada Sima' mula terlahir. Mohon penjelasan Syaikh.
(Fazli Bin Hamzah) 23 Ogos 2014

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin Ar-Rowi, tiada dapat ditsabitkan AKU walaupun sebutir zarrah pun hanya KAU segalanya Allah.
(Fazli Bin Hamzah) 25 Ogos 2014

Murid: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Ya Syaikh Jalalluddin Ar-Rowi. Faqir yang hina yang dibawah tapak kaki Para Masyaikh lagi miskin Fazli Hamzah semoga diampunkan dan dikurniakan Mahabbat, Makrifat zahir dan batin dan 'Afiyat Dunia dan Akhirat dan limpahan Faidhz dari keberkatan Para Masyaikh Kibar Silsilah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah. Syaikh, faqir yang terlalu lemah ini ingin melaporkan Ahwal yang terhasil ketika menjalani Syughal harian Rabithah, Zikir Nafi Itsbat dan Muraqabah Musharibat. Dengan Rahmat Allah, Lathaif Alam Amar terasa 'Uruj ke atas ke suatu titik tumpuan halus yang La Makaniyyat yang Nurnya terang putih kekuningan. Selama beberapa hari faqir mengalaminya dan hairan menguasai diri. Ke mana terarah pandangan faqir, titik tumpuan tetap hadir. Setiap zarrah Kainat menghadirkan Mahabbat akan Zat Allah. Pengenalan Isim dan Shifat Ar-Rahman dan Ar-Rahim terlalu kuat hadhir dan sekiranya tiada terlimpah berterusan dari Zat Ar-Rahman dan Ar-Rahim maka tiadalah alam ini. Faqir dengan ini membuat permohonan bagi penjelasan Syaikh.
(Fazli Bin Hamzah) 1 September 2014

Mursyid: Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh, persiaran masih berlaku dalam Daerah bayangan Zhilal Asma, Af'aal dan Shifat, dan pandangan persiaran sedang tertumpu ke arah Zhilal Syuyun Zatiyyah yang merupakan I'tibarat bagi Shifat dan Zat Ilahiyyah yang bertakluk dengan Latifah Sirr dengan Nur yang putih. Kekuningan

pada putih adalah kesan takluk Qalb dengan Sirr yang bertakluk dengan Alam Lahut. Penzahiran Makrifat tentang Shifat Ar-Rahman dan Ar-Rahim adalah antara habuan kurnia yang terhasil pada Maqam ini.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin, setelah Majlis Suhbat semalam, faqir telah diberi kekuatan dengan berkat Tawajjuh Syaikh, Para Masyaikh dan Hadhrat Mubarak Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam, Syughal Muraqabah Ma'iyyat, Nafi Itsbat serta Rabithah yang dijalankan meningkat ke Lathifah Akhfa. Ahwal yang terhasil pada mulanya terbuka dada berbentuk 'V', melapangkan dada. Kemudian brrrierterusan sehingga Lathifah Qalb, Ruh, Sirr dan Khafi berkumpul di Lathifah Akhfa. Ma'arif yang membukanya adalah ***Muhammadur Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam.*** Musyahadah akan ***Wa Huwa Ma'akum Ainama Kuntum.*** Terasa Tawajjuh keenam-enam arah pada Hadhrat Allah. Kemudian diteruskan kegiatan sehingga terhasil di Lathifah Akhfa meluas dan terasa mengembang naik membuat separuh bulatan dari halqum sehingga ke Lathifah Nafs dan' ke'rpala. Tawajjuh faqir mula bertumpu di Lathifah Nafs.
(Fazli Bin Hamzah) 16 Oktober 2014

Mursyid: Wa'alaikumussalam, hadirkan limpahan Faidhz Ma'iyyat pada Lathifah Qalb dan Lathaif Alam Amar. Faidhz Ma'iyyat juga akan terlimpah pada Lathifah Nafs dan Lathaif Alam Khalaq, kerana Faidhz Ma'iyyat yang terlimpah pada Qalb akan sampai ke seluruh tubuh. Ma'iyyat Ilahi adalah terhadap sekalian zarrah-zarrah Kainat. Dia berserta dengan sekalian ciptaanNya dan tiada suatu apa pun yang tersembunyi dari pengetahuan dan pandanganNya. Teruskan Zikir Nafi Itsbat dengan menghayati makna dan menuntut Ma'rifat dariNya menrrrirmugverusi Baz Gasyt dan kekalkan diri dalam Rabithah.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin. Semoga Syaikh dirahmati Allah sentiasa. Faqir yang La Syaik ini bersyukur kerana memperolehi banyak kebaikan waktu bersuhbat dengan Syaikh. Segala faedah Ahwal yang terhasil pada faqir adalah terlahir dari kelebihan bersuhbat. Sesungguhnya Allah yang membalas segala kebaikan Syaikh. Syaikh, faqir di sini ingin membuat permohonan untuk menyatakan beberapa Ahwal yang terhasil dalam melaksanakan Syughal Zikir Nafi Itsbat, Rabithah serta Muraqabah Ma'iyyat. Setiap Lathaif yang di bawah Lathifah Akhfa 'Uruj ke Lathifah Akhfa serta 'Uruj lagi ke Lathifah Nafs satu demi satu. Jazbah yang bersangatan. Setiap Lathifah yang 'Uruj membuat satu daerah di kepala. Akhirnya terzahir satu titik hitam di Nafs serta membuat satu daerah. Limpahan Faidhz Ma'iyyat membelah dua kepala sehingga ke Lathifah Akhfa. Kemudian segala Lathaif dilihat dari belakang tubuh terus ke depan. Segala pandangan bermula dari belakang tubuh. Zikir Nafi Itsbat tiada diketahui dari depan atau belakang. Seolah-olah jisim tubuh tiada. Di mana terarah kepala di situ juga Wujud Allah dan Dia besertaku, segala zarrah dari zarrah-zarrah Kainat beserta Syan TindakanNya. Kaifiyyatnya Dia sahajalah yang mengetahuinya.
(Fazli Bin Hamzah) 20 Oktober 2014

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh, faqir sedang mengalami Jazbah yang terlalu kuat dari hujung rambut ke hujung kaki. Bergetar Zikir berterusan. Terlalu berat menanggungnya. Zikir Nafi Itsbat sentiasa bergetar di dalam kerongkong secara Khafi.

Mursyid: Wa'alaikumussalam, teruskan Zikir dan tambahkan Jazbah dengan membaca Quran dan perbanyakkan Shalawat.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh. Semoga Syaikh dirahmati Allah sentiasa. Faqir La Syaik ingin melaporkan Ahwal dan Musyahadah Muraqabat Ma'iyyat Thariqat Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah. Syaikh, dengan kehendak Allah sewaktu menjalankan Zikir Nafi Itsbat sebanyak lima ribu kali serta Rabithah dan Muraqabat, terasa seperti 'Uruj sedikit demi sedikit ke Lathaif Alam Amar sehingga keluar kepala. Kemudian, Zikir beralih di Nafs menyebut Dhamir هو berterusan ketika membuang nafas sehingga semuanya Fana kecuali هو. Ianya berterusan sehingga terbuka ruang atau jalan dari Nafs ke atas. Kemudian, kegiatan ditambah dengan membaca Al-Quran dan Shalawat. Terdapat satu titik hitam tumpuan di Nafs dan Tawajjuh kepada Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala tertumpu di situ dan titik itu disangkakan Zat Ahad. Jazbah terasa ke seluruh tubuh tetapi tidak sekuat sebelumnya. Sewaktu sujud ketika Shalat terasa Allah terlalu hampir sehingga Kaifiyyatnya sukar digambarkan.
Fazli Naqsh [9:34 PM 22/10/2014]

Mursyid: Wa'alaikumussalam, teruskan Zikir, Muraqabah dan Rabithah sehingga titik tersebut hilang, Allah bukanlah titik tersebut, Maha Suci Zat Allah dari sebarang Kaifiyyat, Shifat-shifat dan I'tibarat.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin semoga Allah merahmati Syaikh sentiasa. Alhamdulillah dan Sholawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Shallahu 'Alaihi Wa Aalihi Wabaraka Wa Sallam. Amma Ba'd. Faqir La Syaik Miskin Fani Fazli ingin melaporkan kepada Hadhrat Syaikh bahawa di dalam beberapa hari ini rasa kehilangan diri terjadi terhadap faqir. Seolah-olah diri ini tiada apa-apa nilai kebaikan walaupun sebutir debu di sisi Rabbul-Jalil. Ahwal ini berlarutan sehingga sehari suntuk. Kesedihan membelenggu diri, keupayaan hilang. Segala amal kebaikan selama ini tidak dianggap melainkan keburukan bagi diri ini. Setiap apa yang Allah turunkan kepada faqir sepanjang kehidupan ini semuanya merupakan kebaikan tetapi tidak faqir pernah mensyukurinya malah sering mengingkarinya. ***Allahumma Taqabbal Taubati.***
Fazli Naqsh [9:14 AM 04/11/2014]

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin yang dikasihi oleh Allah sentiasa. Faqir yang sentiasa mengharap limpah kurnia Allah dan di atas kehendakNya ingin melaporkan bahawa Allah yang dicari untuk dikenal itu akhirnya di dalam diri dan semakin hampir. Tawajjuh kepada Allah akhirnya di dalam diri sendiri. Semakin membingungkan faqir. Yang dicari itu terlalu dekat tetapi tidak disedari. Faqir mohon penjelasan Syaikh.
Fazli Naqsh [9:54 PM 04/11/2014]

Mursyid: Wa'alaikumusaalam, Allah adalah Maha Dekat dan Dia sentiasa beserta dengan setiap zarrah Kainat melalui takluk IlmuNya, IradatNya dan QudratNya. Dekat atau jauhnya diri dengan Allah bukanlah pada iktibar jarak ataupun tempat tetapi berdasarkan taat dan maksiyat. Tanda kedekatan terhasil ialah apabila diri sentiasa dalam ingatan dan ketaatan terhadap Allah dan Rasulullah dan berkekalan sehingga

Ahwal tersebut menjadi Maqamat. Diri adalah Anfus Alam Saghir manakala luaran diri adalah Aafaq Alam Kabir dan termasuk dalam Daerah Imkan sedangkan Allah adalah Zat Wajib Al-Wujud dan bukan Alam serta jauh di luar Daerah Imkan, maka Allah hendaklah dicari di luar Daerah Mumkinat ini menerusi 'Uruj Ruhani berkekalkan Zikir Nafi Itsbat dengan Yaad Dasyat, Muraqabah dan Rabithah sehingga persiaran Suluk dalam Daerah Bayangan Asma dan Shifat menjadi lengkap dan seterusnya menuju ke Daerah Asal Asma dan Shifat sehingga ke Daerah Zat. Seluruh daerah yang sudah ditempuhi adalah ibarat setitis air daripada keluasan daerah yang akan ditempuhi, keluasan daerah-daerah Makrifat adalah ibarat lautan yang tiada berpantai dan bertepi. Ketenggelaman dan perasaan hilangnya rasa keupayaan diri adalah tanda tanda bahawa Fana sedang disempurnakan untuk mencapai Baqa. Kedekatan yang dirasai adalah hanya dalam perasaan bukannya pada kenyataan, kerana pada haqiqatnya kehambaan diri seseorang Insan adalah masih jauh dari Allah dan Dia tidak memerlukan Insan untuk mendampingiNya, perdampingan Insan dengan Tuhan adalah semata-mata dengan kurniaNya dan penafian keupayaan diri hendaklah sentiasa ada dalam menunaikan ketaatan.

Murid: Alhamdulillah. Faqir mendoakan semoga Allah membalas segala kebaikan Syaikh.
Fazli Naqsh [11:23 PM 04/11/2014]

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin. Semoga Syaikh dirahmati Allah sentiasa. Faqir yang tiada sebarang keupayaan ini ingin melaporkan bahawa berlaku satu Ahwal yang ajaib bagi Faqir. Setelah kegiatan Zikir, Rabithah dan Muraqabah, atas kehendak Allah, Lathifah Nafs menyebut "Faqir, faqir, faqir," berterusan. Mohon bimbingan Syaikh menjelaskan Ahwal ini.
Fazli Naqsh [11:46 AM 06/11/2014]

Mursyid: Wa'alaikumussalam, apabila Salik menuju kepada Allah dengan Zikrullah dan Shadaqah, Syaitan menakut-nakutkan Nafs dengan kefaqiran sedangkan Allah menjanjikan kekurniaan dan keampunan serta Rahmat kerana Allah adalah Maha Kaya dan Maha Pemberi. Shadaqah adalah penyembuh penyakit Ruhani dan Jasmani, zahir dan batin sebagaimana Zikrullah. Keakuan Nafs hendaklah sentiasa ditazkiyahkan supaya terhasil Tashdiq Qalbi dan merasakan bahawa Nafs sentiasa faqir dan berkehendak pada limpahan karunia dari Tuhan. Salik Haqq yang mencintai Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam hendaklah bersedia menyarungkan jubah kefaqiran.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin, semoga Allah sentiasa memberi kebaikan dan keselamatan kepada Syaikh di Dunia dan di Akhirat. Faqir Fazli Hamzah yang sentiasa berkehendak kepada Allah dan tiada sebarang kebaikan ini ingin menyatakan Ahwal yang menimpa daku semalaman. Daku memejamkan mata dan melihat ke dalam diriku, Bashar Allah, Kalam pun Kalam Allah, Sama' pun Sama' Allah, 'Ilmu pun 'Ilmu Allah, Qudrat pun Qudrat Allah dan Ila Akhirihi Shifat Tsubutiyah yang wajib bagi Allah. Setelah itu tiada wujudku Illa Wujud Allah. Segala Alam Mitsal yang datang dalam Musyahadah sebelumnya begitu pelik kerana hilang sepantasnya. Daku karam dalam memerhatikan di dalam diriku. Kemudian, ianya meningkat kepada Allah Zat yang

Mengetahui, Mendengar dan seterusnya. Tatkala daku membuka kedua mataku, kesempurnaan perasaan tadi berkurangan. Syaikh! apakah Sayr Anfusi tidak menanggung Sayr Aafaqi? atau Alam Saghir tidak menanggung Alam Kabir? Ahwal ini daku persembahkan kepada Syaikh agar ketenangan dapat meliputi diriku.
Fazli Naqsh [7:34 AM 07/11/2014]

Mursyid: Wa'alaikumussalam, pada Daerah Ma'iyyat Walayat Sughra, Ahwal yang berlaku adalah Fana dalam Bayangan Zhill Asma dan Shifat Ilahiyyah dan terhasil Ma'rifat mengenainya secara terperinci dan Tafshili berbanding dengan sebelum ini yang mana Ma'rifat yang terhasil adalah secara ringkas dan Ijmali. Ahwal Tauhid Wujudi akan menempati fikiran dan hati Salik semasa berada dalam daerah ini kerana pengulangan zikir dan fikir terhadap Allah secara berterusan akan meninggalkan kesan-kesan Fana terhadap Allah dan Ma'rifat tentang Martabat-martabat Wujud yang Wajib dan Imkan secara Ijmal akan terhasil. Ruhani tiada seharusnya terhenti di Alam Mitsal kerana di sana dipenuhi dengan gambaran warna dan rupabentuk sedangkan Hadhrat Zat yang dicari adalah jauh dari sebarang pensifatan warna mahupun gambaran rupabentuk. Perhubungan Rabithah secara Ruhani yang kuat dan teguh akan membawa Salik mencapai kestabilan dalam Alam Arwah dan tidak akan terpedaya dengan bayangan gambaran Mitsal. Meskipun persiaran masih dalam peringkat menempuh bayangan Zhilliyyat namun perhatian Tawajjuh dan Maqsud Haqiqi adalah hanya Hadhrat Zat yang merupakan Pemilik sekalian Shifat. Gambaran di Alam Mitsal bukanlah gambaran Haqiqi kerana Zat Haqiqi tiada gambaran yang dapat digambarkan dan perhubungan yang perlu sentiasa ada pada Hamba dengan Tuhannya adalah menerusi ingatannya yang berterusan dan melakukan Ibadat ketaatan. Oleh kerana perkara Ahwal yang datang dan pergi adalah limpahan kurniaan nikmat Zikir daripada Tuhan maka menyatakan nikmat sebagai mensyukurinya adalah wajib. Segala sesuatu dalam Martabat Wujud dari yang Imkan sehingga yang Wujub hendaklah dinafikan dan hanya mengitsbat Maqsud dan Mathlub Haqiqi yang jauh dari sebarang perkaitan Asma dan Shifat. Tanda-tanda kesempurnaa Ahwal sedang berlaku ialah apabila Ahwal yang berlaku sebelumnya menjadi semakin tersembunyi dan seolah-olah tiada disedari namun terasa ada di dalam hati. Sayr Anfusi adalah menanggung Sayr Aafaqi secara tanpa disedari dan Alam Saghir adalah terkandung di dalam Alam Kabir. Wallahu A'lam.

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin. Semoga Syaikh dirahmati Allah sentiasa. Faqir mengalami kelemahan maksimal seperti lumpuh keseluruhan tubuh faqir semalam seperti seorang pesakit yang sedang menanti ajalnya sahaja. Namun ketika kegiatan Rabithah, Zikir dan Muraqabah diteruskan, hadir perasaan bahawa Allah adalah sangat Agung sehingga tiada perkataan yang dapat mengungkapkannya. Tercengang, terpinga-pinga, kehairanan, kejahilan, keindahan, keasyikan seperti seorang pesakit yang telah menemui ubat penyembuhnya. Segala Ahwal sebelumnya berkenaan Allah seperti 'Ilmu, Al-'Alim, Qudrat, Al-Qadir adalah tidak sehebat perasaan ini. Seolah terhapus dan lenyap perasaan sebelumnya. Wallahu A'lam.
Fazli Naqsh [8:36 AM 11/11/2014]

Murid: Assalamu'alaikum Syaikh Jalalluddin. Amat memeranjatkan dan beralih kesedaran bahawa lafaz AKU selama ini pada haqiqatnya milik Allah. Selagi mana

makhluk tidak memulangkan kembali lafaz AKU kepada yang empunya hak maka syirik terzahir. AKU itu adalah lafaz Keakuan bagi Allah dan tiada sekali-kali bagi makhluk. Segala perbuatan, sifat dan nama yang ditsabitkan kepada makhluk adalah palsu sebenarnya. Pada haqiqatnya AKU itu adalah Allah.
Fazli Naqsh 16 Nov 2014

Mursyid: Firman Allah:

إنني أنا الله لا إله إلا أنا فاعبدني وأقم الصلوة لذكري

Sesungguhnya Aku adalah Allah, Tiada Tuhan Melainkan Aku, Maka beribadatlah kepadaku dan dirikanlah Shalat untuk mengingatiKu. (20:14)